


“SUNGGUH, orang dari kalian yang memanggul kayu bakar dan dibawa dengan punggungnya lebih baik baginya daripada dia meminta kepada orang lain, baik orang lain itu memberinya atau menolaknya”.

- Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari.

TITAH PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI PAKISTAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Asif Ali Zardari dan Perdana Menteri Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Muhammad Shehbaz Sharif.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Asif Ali Zardari dan

Perdana Menteri Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Muhammad Shehbaz Sharif, kerajaan serta rakyat Republik Islam Pakistan bersempena dengan Hari Pakistan negara tersebut.

Pelantikan Ra'es KUPU SB baharu

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Mac. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi Pengarah Pusat Pengajian

Siswazah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dilantik menjadi Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bagi menggantikan Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar.

Tarikh pelantikan pegawai kanan berkenaan berkuat kuasa mulai Sabtu, 12 Ramadan 1445 bersamaan 23 Mac 2024.

305 projek RKN-12 diluluskan dengan Harga Rancangan BND4 bilion



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Semasa pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2024/2025 pada 29 Februari yang lalu, Jawatankuasa Tertinggi

Rancangan Kemajuan Negara (RKN) yang dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

■ Oleh: Khartini Hamir

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah meluluskan sebanyak 305 buah projek dalam RKN-12 dengan Harga Rancangan sebanyak BND4 bilion untuk dilaksanakan mulai dari Tahun Kewangan 2024/2025 hingga Tahun Kewangan 2029/2030.

Alhamdulillah, dengan berkat daulat kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerjasama padu secara Whole of Government Approach, projek-projek yang telah diluluskan disasarkan akan dapat menyumbang kepada kemajuan-kemajuan untuk mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035 terutamanya bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk dan meningkatkan sosioekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berterusan.

>> Muka 5



Berita Utama



MENGIMARAHKAN Ramadan
dengan Tadarus Al-Quran

Muka 4



DEKATKAN diri dengan amalan
membaca Al-Quran

Muka 18



KHATAM Al-Quran raikan
98 pelajar ITQSHHB

Muka 24



KETAHUI penyakit HFMD

Muka 28

Memperingati azam, aspirasi kita bernegara merdeka



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa berucap pada Majlis Semarak Hari Kebangsaan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, pada Isnin, 11 Mac 2024.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalatu Wassalamu 'Ala
Ashrafil Anbiya-I-Wal Mursalin,
Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi
Wasahbihi Ajma'iin
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

PUJIAN dan syukur kita yang hadir dalam kesempatan ini ada yang dalam segmen usia umur belasan tahun

membawa kepada usia umur dua puluhan masih dalam persekolahan menengah, atau dalam pengajian kolej dan universiti.

Ada pula dalam segmen umur tiga puluhan ke empat puluhan, usia kalangan belia yang sudah tamat pengajian yang juga dikira sebagai orang dewasa.

Ada pula yang dalam umur lima puluhan membawa kepada enam puluhan, yakni umur dewasa dan kalangan ibu bapa bahkan nini / datu.

Selebihnya yang ada dalam majlis ini ialah kalangan yang dalam usia enam puluhan membawa kepada lapan puluhan. Kalangan warga emas dan yang sudah lanjut usia seperti saya inilah.

Dalam konteks menyambut dan memperingati Hari Kebangsaan Ke-40 Tahun tahun ini rata-rata kita dapat mengenang atau mengingat bukan mesti peristiwanya semata-mata tapi ialah tentang azam dan aspirasi kita bernegara merdeka.

Azam dan aspirasi kemerdekaan itu merupakan janji kita kepada diri kita sendiri untuk berbuat sesuatu yang signifikan dengan adanya kuasa penuh ke atas urusan bernegara dan berkerajaan. Tidak sama dengan keadaan di mana negara kita iaitu kita bangsa dan rakyatnya duduk bernaung di bawah kuasa asing.

Azam dan aspirasi itu ialah :

Azam Politik untuk mengekalkan Brunei buat selama-lamanya sebagai negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan;

Azam Nasional iaitu menerusi negara Melayu Islam Beraja yang sedemikian itu dan dengan petunjuk serta keredaan Allah jua akan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat; dan

Azam Internasional iaitu memelihara perhubungan persahabatan di kalangan

antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan asing.

Sedemikian itulah yang sewajarnya ingatan kita dalam menyambut dan merayakan hari kebangsaan setiap tahun khususnya tahun ini Hari Kebangsaan yang Ke-40 Tahun.

Tambahan 1 : Azam Politik, iaitu Melayu Islam Beraja yang mana falsafahnya sudah terjamin dalam Perlembagaan Negara, Edisi 2008, Perkara 42 (1) (e), dan Perkara 53 (1A) sebagai sesuatu yang tidak boleh dicakapkan atau dibuat sebarang ulasan yang secara langsung atau tidak langsung boleh mengurangkan hak-hak, taraf, kedudukan, kuasa-kuasa, keistimewaan dan kedaulatannya.

Tambahan 2 : Aspirasi Nasional, iaitu dengan negara terus menerus berusaha menjamin dan berkhidmat melaksanakan program-program yang bertujuan mendatangkan faedah kepada rakyat dan negara, dari segi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan.

Contohnya dengan membuat Perancangan Kemajuan Negara Jangka Panjang yang dilancarkan dalam tahun 2007. Di dalamnya termasuklah Wawasan Negara 2035 dengan tiga hasrat : Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi; Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Dalam mencapai wawasan ini kita rakyat bersatu padu dalam kesetiaan kepada sultan dan negara; Keyakinan terhadap nilai-nilai Islam; Keharmonian sosial dan amalan tradisi terbaik-baik.

Usaha ke arah mencapainya dengan perancangan-perancangan dalam bidang pendidikan, ekonomi dan sosial, menerusi strategi-strategi pelaksanaannya. Patut jua disebutkan bahawa usaha berterusan negara ke arah pencapaian aspirasi nasional itu ialah meneruskan RKN yang dimulakan jauh sebelum merdeka pada tahun 1953 lagi dan

sekarang sudah masuk kepada RKN ke-12.

Tambahan 3: Iaitu Aspirasi Internasional berupa dasar-dasar dan langkah menjalin hubungan diplomatik dengan dasar luar negeri yang bersahabat atas semangat saling menghormati kemerdekaan dan kedaulatan yang impaknya untuk menjamin kepentingan negara untuk menikmati keamanan dan kemajuan dalam kerjasama serantau dan seglobal.

Kita menyebut-nyebut Hari Kebangsaan yang bermula pada 23 Februari 1984 yang sekarang sudah 40 tahun disambut.

Nampaknya setiap tahun kita dengan rancak merancang sambutanannya, sampai kita lupa tentang tarikh 1 Januari 1984 iaitu Hari Pemasyhuran Kemerdekaan.

Maka untuk kepentingan sejarah perlu dinyatakan di sini dan di mana-mana bahawa ternyata ada dua peristiwa kenegaraan dalam konteks kemerdekaan kita : Pertama ialah peristiwa Kemerdekaan Dimasyhurkan dalam satu acara Perhimpunan Menyambut Kemerdekaan pada 31 Disember 1983, di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin menjelang tengah malam dan detik-detik awal 1 Januari 1984.

Perhimpunan Menyambut Kemerdekaan itu diawali dengan Majlis Kesyukuran di Masjid Omar 'Ali Saifuddin dengan bersembahyang Maghrib dan Isyak, membaca Surah Yasiin dan Doa Kesyukuran. Majlis itu diserikan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja.

Menarik untuk diristakan dalam kita menyebutkan Majlis Kesyukuran Menyambut Kemerdekaan itu ialah perihal ramainya jemaah dalam hitungan yang luar biasa.

>> Muka 17

WAKTU SEMBAHYANG										
Mac MASIHI	HARI	Ramadan HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	SABTU	12	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.34	6.31	7.40
24	AHAD	13	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.33	6.30	7.39
25	ISNIN	14	4.55	5.05	6.22	6.44	12.27	3.32	6.30	7.39
26	SELASA	15	4.55	5.05	6.22	6.44	12.27	3.31	6.30	7.39
27	RABU	16	4.54	5.04	6.21	6.44	12.27	3.30	6.30	7.39
28	KHAMIS	17	4.54	5.04	6.21	6.43	12.26	3.29	6.30	7.39
29	JUMAAT	18	4.53	5.03	6.20	6.43	12.26	3.28	6.30	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
34 26 °C	35 27 °C	35 26 °C	
Pekan Bangar			
35 25 °C	35 25 °C	35 25 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Kuala Belait			
33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 23 MAC 2024

Tenangkan hati dan jiwa dengan membaca Al-Quran

AL-QURAN adalah kalam Allah Subhanahu Wata'ala yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai rahmat dan petunjuk bagi umat Islam. Al-Quran berfungsi sebagai panduan untuk semua aspek kehidupan dan juga menawarkan bimbingan rohani, ajaran moral dan prinsip undang-undang. Ia juga merupakan sumber rujukan dan panduan yang menyeluruh untuk menjalani kehidupan yang soleh kerana terdapat banyak pengajaran di dalam Al-Quran yang menangan pelbagai aspek kewujudan manusia, termasuk ibadah, akhlak, etika, kehidupan keluarga, keadilan sosial, dan pemerintahan. Dari Al-Quran, kita akan dapat memahami perundangan Islam dan mempelajari prinsip-prinsipnya.

Selain daripada sebagai panduan hidup, orang Islam juga disarankan untuk membaca dan menghayati isi kandungan Al-Quran sebagai penawar penyakit rohani. Apabila kita merasa sedih atau merasakan cabaran hidup semakin menyakit-jadi, adalah baik kita berehat seketika dan membaca Al-Quran untuk mencari ketenangan dan menghilangkan perasaan sedih, marah dan sebagainya. Membaca Al-Quran akan dapat menguatkan iman, menyucikan jiwa, dan mengeratkan hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Imam Ibnu Katsir menegaskan dalam kitabnya : "(Al-Quran itu) menghilangkan segala macam penyakit dalam hati, yang terdiri daripada syak wasangka, kemunafikan, syirik, sesat dan bengkok (daripada kebenaran). Al-Quran menyembuhkan daripada semua itu keseluruhannya".

Ganjaran pahala daripada membaca Al-Quran itu sangatlah besar. Perkara ini dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tarmizi dari Abdullah bin Mashud bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : "Barang siapa membaca satu huruf daripada kitab Allah (Al-Quran), maka baginya satu kebajikan dan satu kebajikan menyamai dengan 10. Aku tidak menyatakan Alif Lam itu satu huruf, tetapi Alif satu huruf, Lam Alif Mim satu huruf dan Mim satu huruf".

Tidak ada alasan untuk kita tidak membaca Al-Quran. Jika kita tidak mahir atau tidak lancar membaca Al-Quran adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai orang Islam untuk mencari guru untuk mengajar kita. Membaca Al-Quran banyak manfaatnya dan apabila kita membaca Al-Quran adalah juga penting untuk kita memahami ayat-ayat yang dibaca itu. Pentingnya memahami Al-Quran ada disebutkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala seperti dalam firman-Nya dalam Surah Saad, ayat 29, tafsir-Nya : "(Al-Quran ini ialah) sebuah kitab yang Kami telah turunkan kepadamu (wahai Nabi Muhammad), yang mengandungi berkat supaya mereka memikirkan dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang mempunyai akal dapat mengambil pengajaran".

Secara keseluruhan, sebagai umat Islam kita mesti berpegang kepada Al-Quran dan menempatkannya dalam hati dan minda kita dan menjadikannya sumber bimbingan, inspirasi, dan pemenuhan rohani. - **Ketua Penyuntungan (Nr).**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunel.gov.bn

تربیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto berikutan dengan kemenangannya dalam Pilihan Raya Umum Republik Indonesia 2024, baru-baru ini.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto.

PERWIRA bertahlil di Kubah Makam Diraja



Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Mac. - Persatuan Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PERWIRA) telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, hari ini.

Majlis berkenaan dikhususkan bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti

Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Berangkat dan hadir pada majlis

tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud dan Yang Dimuliakan Pehin Datu Padukaraja Mejar Jeneral

BERANGKAT dan hadir pada majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud dan Yang Dimuliakan Pehin Datu Padukaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Shari bin Ahmad selaku Penasihat PERWIRA.

(B) Dato Paduka Seri Awang Haji Shari bin Ahmad selaku Penasihat PERWIRA.

Turut hadir, para mantan Pemerintah ABDB, mantan pegawai-pegawai dan ahli-ahli tentera lain-lain pangkat serta Ahli-ahli PERWIRA.

Acara bertahlil dipimpin oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tarbiah, Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT), Rifa'at Atiyah bin Haji Anwari. Majlis ini merupakan satu kegiatan keagamaan bagi meraih keberkatan bulan Ramadan bersama ahli-ahli tentera yang sudah bersara.

Tadarus Al-Quran di Istana Nurul Iman



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Mac. - Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi diadakan bagi malam ke-11 di Surau, Istana Nurul Iman, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Hadir sama, Setiausaha

Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Setiausaha

YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa hadir pada Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Surau, Istana Nurul Iman.

Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Ini disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pembangunan.

TINGKATKAN AMAL IBADAT DI BULAN RAMADAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad semasa menunaikan Sembahyang Fardhu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih serta Witir Berjemaah.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Dalam sama-sama meraih ganjaran pahala berlipat ganda dengan mempertingkatkan amal ibadat bersempena bulan Ramadan yang mulia dan penuh keberkatan ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) baru-baru ini berada di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan bagi menunaikan Sembahyang Fardhu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih serta Witir Berjemaah.

Turut serta, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; dan Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Menteri Kedua Kesihatan dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam Republik Singapura, Tuan Yang

Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad dan isteri.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; dan Ketua Eksekutif Majlis Ugama Islam Singapura, Kadir Maideen Mohamed dan isteri.

Juga hadir, para pegawai kanan KHEU serta jemaah dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan.

Sembahyang Fardhu Isyak diimamkan oleh Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh, sementara Sembahyang Sunat Tarawih diimamkan oleh Awang Md. Helmi bin Md. Iskandar, pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Mengimarahkan Ramadan dengan Tadarus Al-Quran



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertadarus Al-Quran (Bacaan Juzuk 8) diselajarkan dengan Bacaan Tahlil dan Doa Arwah serta penyampaian derma kepada anak-anak yatim sempena bulan Ramadan (kanan, kiri dan bawah kanan).

Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku tetamu kehormat majlis. Majlis kemudiannya diselajarkan dengan penyampaian derma kepada 27 anak yatim daripada warga kakitangan Hospital RIPAS.

Majlis Bertadarus ini adalah merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan yang diadakan secara bergilir di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh rahmat ini di samping dapat mengeratkan lagi perhubungan silaturahim di antara warga Kementerian Kesihatan dengan warga Hospital RIPAS.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



Oleh : Aimi Sani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Amalan bertadarus merupakan antara kegiatan keagamaan yang menjadi pilihan umat Islam sepanjang bulan puasa ini bagi meraih ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Justeru, dengan ketibaan bulan Ramadan, masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara terus menjadi tumpuan masyarakat Islam dalam sama-sama memperdengarkan ayat-ayat suci Al-Quran bagi

mengimarahkan bulan yang penuh keberkatan ini.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan juga tidak ketinggalan mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran (Bacaan Juzuk 8) diselajarkan dengan Bacaan Tahlil dan Doa Arwah serta penyampaian derma kepada anak-anak yatim sempena bulan Ramadan pada tahun ini.

Majlis yang diadakan di Surau Nuurul 'Inayah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) itu dihadiri oleh Menteri



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihidangkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja


TIDAK DIPERAKUKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



305 PROJEK RKN-12 DILULUSKAN DENGAN HARGA RANCANGAN BND4 BILION

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

>> Muka 1

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa membentangkan mukadimah berkenaan peruntukan bagi tajuk Kemajuan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersidang bagi hari ke-17 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Sebelum membentangkan peruntukan bagi RKN Ke-12, Yang Berhormat terlebih dahulu mengongsikan prestasi kemajuan 221 projek di bawah RKN-11 setakat 29 Februari 2024.

Menurut Yang Berhormat, secara keseluruhan, sebanyak 153 projek RKN-11 akan ditunda ke RKN-12 antaranya mengambil kira perkara-perkara berikut.

"Sebanyak 54 projek telah siap

dilaksanakan, yang mana projek-projek ini akan menyumbang kepada peningkatan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk; meningkatkan aktiviti perekonomian negara dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan; meningkatkan aksesibiliti kemudahan-kemudahan asas dan seterusnya akan meningkatkan produktiviti dari segi efisiensi dan keberhasilan negara.

"Antara projek-projek tersebut adalah seperti berikut, iaitu pembukaan kawasan penanaman padi secara komersial berkeluasan 500 hektar, kawasan Kandol, Daerah Belait (Fasa 2); pembinaan semula Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar Temburong; bangunan tambahan Sekolah Menengah Menglait; pembinaan jejambat di Lebuhraya Muara-Tutong / Persimpangan Perumahan Kampung Lugu.

"Juga termasuk 10 buah projek elektrik seperti pengukuhan rangkaian sistem 11kV/415V bagi kawasan Jalan Pasar Gadong dan sekitarnya dan pengukuhan sistem rangkaian 11kV dari sub-stesen 66kV/11kV Pasir Puteh hingga JKR Package Unit Serampang, Mukim Tanjung Maya dan kawasan sekitarnya di Daerah Tutong," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan pembinaan Blok

Baharu Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkuning - Blok Penjagaan Kesihatan Asasi; menaik taraf Stadium Negara Hassanal Bolkiah Fasa 2; projek-projek penggantian paip-paip air; kajian dan pengurusan terperinci pembahagian Non-Revenue Water (NRW); dan projek-projek transformasi digital seperti Sistem Kebajikan Negara (SKN) dan 'Central Account Password Privilege Management Platform'.

"ANTARA projek-projek tersebut adalah seperti berikut, iaitu pembukaan kawasan penanaman padi secara komersial berkeluasan 500 hektar, kawasan Kandol, Daerah Belait (Fasa 2); pembinaan semula Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar Temburong; bangunan tambahan Sekolah Menengah Menglait; pembinaan jejambat di Lebuhraya Muara-Tutong / Persimpangan Perumahan Kampung Lugu".

72 projek sedang dalam pelaksanaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Sebanyak 72 projek sedang dalam pelaksanaan (in progress) yang mana sebanyak 57 daripadanya akan ditunda ke Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN-12).

Dalam pada itu, sebanyak tujuh projek sumber tenaga manusia tidak lagi disediakan di bawah RKN kerana sudah dibiayai di bawah peruntukan Perbelanjaan Berulang-ulang kementerian yang berkenaan mengambil kira inisiatif membangun sumber tenaga manusia perlu diadakan secara berterusan.

Projek-projek tersebut termasuk lima projek sumber tenaga manusia termasuk program I-Ready di bawah Manpower Planning and Employment Council (MPEC), satu projek Civil Service Leadership Pipeline di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam dan satu projek Biasiswa Pendidikan Teknikal Vokasional di bawah Kementerian Pendidikan, manakala lapan selebihnya tidak ditunda ke RKN-12.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menggariskan mengenai perkara itu semasa membentangkan mukadimahnya berkenaan peruntukan bagi tajuk Kemajuan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersidang bagi hari ke-17 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan

Dewan Majlis, di sini

Terang Yang Berhormat, sebanyak 95 projek lain masih dalam pelbagai peringkat awal penyediaan seperti perancangan, tawaran dan reka bentuk yang mana sebanyak 86 daripadanya akan ditunda ke RKN-12.

"Manakala sebanyak sembilan projek tidak ditunda ke RKN-12 antara lainnya mengambil kira perubahan perancangan ataupun penyerapan ke dalam projek-projek lain secara *consolidation* dan selebihnya diteliti semula pelaksanaannya," jelas Yang Berhormat.

Sebagai kesinambungan tambah Yang Berhormat, RKN-12 akan memfokuskan kepada projek-projek berikut, iaitu projek yang berwawasan (*visionary*) dan *flagship* serta mempunyai ciri-ciri matlamat jangka panjang bagi menjamin kesejahteraan generasi akan datang; dan projek yang akan mendatangkan impak tinggi dan dapat merubah corak dan pencapaian sosioekonomi negara ataupun *game changer*.

Demi mencapai sasaran keberhasilan Wawasan Brunei 2035 kata Yang Berhormat, sebanyak lapan objektif RKN-12 telah ditetapkan seperti berikut, iaitu meningkatkan kemahiran dan kepakaran sumber manusia tempatan; menyumbang kepada transformasi digital ke arah meningkatkan daya inovasi dan tahap produktiviti negara; meningkatkan pertumbuhan ekonomi; meningkatkan aktiviti perdagangan khususnya pengeksporan produk dari sektor



ANTARA yang hadir mendengarkan persidangan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

bukan minyak dan gas.

Seterusnya kata Yang Berhormat, pembangunan sosial dan kesejahteraan rakyat ke arah meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk; memanfaatkan pembiayaan secara alternatif seperti 'Public Private Partnership', dan memperluas sumbangan dan kerjasama dari pihak-pihak yang berkepentingan dari bukan sektor kerajaan seperti GLCs dan FDI; meningkatkan sekuriti ataupun keselamatan negara dari ancaman-ancaman keselamatan seperti ancaman di sempadan, siber dan sebagainya; dan menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

Bagi tempoh RKN-12 terang Yang Berhormat lagi, jumlah Harga Rancangan yang telah diluluskan ialah sebanyak BND4

bilion untuk membiayai 305 projek, iaitu BND1.7 bilion bagi 153 projek tunda dan BND2.3 bilion bagi 152 projek baharu.

"Manakala bagi Tahun Kewangan 2024/2025 ini, sejumlah BND500 juta telah diperuntukkan bagi Perbelanjaan Kemajuan untuk membiayai projek-projek yang telah diluluskan di bawah RKN-12.

"Di sebalik situasi fiskal

yang mencabar pada masa ini, peruntukan besar yang disediakan di bawah RKN-12 ini dihasratkan sebagai 'Investment In Our Future', di mana projek-projek yang telah dicadangkan akan membantu meningkatkan efisiensi dan produktiviti pihak-pihak yang berkenaan, di samping mengurangkan perbelanjaan secara jangka masa Panjang," ujar Yang Berhormat lagi.

SEBAGAI kesinambungan tambah Yang Berhormat, RKN-12 akan memfokuskan kepada projek-projek berikut, iaitu projek yang berwawasan (*visionary*) dan *flagship* serta mempunyai ciri-ciri matlamat jangka panjang bagi menjamin kesejahteraan generasi akan datang; dan projek yang akan mendatangkan impak tinggi dan dapat merubah corak dan pencapaian sosioekonomi negara ataupun *game changer*.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



Kerahsiaan pesakit mental adalah keutamaan

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan akan menitikberatkan isu kerahsiaan ataupun *confidentiality* pesakit mental.

"Rekod perubatan pesakit-pesakit berkenaan hanya boleh diakses oleh pegawai perubatan, jururawat ataupun Allied Health Professional seperti *psychologist* atau *medical social worker* yang tertentu sahaja iaitu mereka yang terlibat dengan rawatan pesakit berkenaan sahaja.

"Doktor dan profesional kesihatan lain yang tidak berkenaan tidak mempunyai

akses kepada catatan *clinical* terperinci pesakit tersebut. Walau bagaimanapun, mereka dapat melihat tarikh perjumpaan, diagnosis dan ubat sahaja," jelas Yang Berhormat pada hari ke-17 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Selain itu juga, tambah Yang Berhormat, untuk memastikan kerahsiaan dan pemeliharaan maklumat pesakit mental di dalam situasi apabila agensi-agensi luar meminta laporan perubatan psikiatrik, kebenaran secara bertulis ataupun *consent* haruslah diperoleh daripada pesakit terlebih dahulu.

Pihak kementerian tidak akan mengeluarkan apa jua maklumat perubatan sekiranya tidak ada kebenaran diperoleh daripada pesakit dan dengan adanya sistem Bru-HIMS ini juga, *kitani* dapat melihat audit *trail* siapa-siapa juga yang ada melihat diagnosis pun boleh *kitani* nampak.

"Dan kalau ada orang *inda* berkenaan selalu melihat, bila *kitani* membuat audit, *kitani* boleh bertanya kenapa ia selalu memerhatikan orang punya perjumpaan dan sebagainya," ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah

Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan.



SEKITAR Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN.

PERUNTUKAN BND500 JUTA DISEDIAKAN MENGIKUT KLUSTER

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa membentangkan mukadimahnya berkenaan peruntukan bagi tajuk Kemajuan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang bagi hari ke-17 hari ini menyatakan, daripada harga rancangan sebanyak BND4 bilion dan peruntukan sebanyak BND500 juta yang telah disediakan adalah mengikut Kluster,

Antaranya kata Yang Berhormat, mengukuhkan keselamatan negara disediakan harga rancangan sejumlah BND974.1 juta dengan peruntukan sebanyak BND134.8 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025; mengukuhkan kemudahan akses pendidikan disediakan harga rancangan sejumlah BND472.3 juta dengan peruntukan sebanyak BND43.6 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025; meningkatkan dan mengukuhkan bekalan elektrik disediakan harga rancangan sejumlah BND400.0 juta dengan peruntukan sebanyak BND34.9 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025; meningkatkan penyediaan perumahan disediakan harga rancangan sejumlah BND309.8 juta dengan peruntukan sebanyak BND41.9 juta bagi

Tahun Kewangan 2024/2025; mengukuhkan sekuriti makanan disediakan harga rancangan sejumlah BND257.7 juta dengan peruntukan sebanyak BND43.7 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025; menyediakan prasarana untuk kesihatan yang baik disediakan harga rancangan sejumlah BND256.5 juta dengan peruntukan sebanyak BND3.2 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025; serta meningkatkan kualiti Perkhidmatan Awam disediakan harga rancangan sejumlah BND243.5 juta dengan peruntukan sebanyak BND10.9 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Seterusnya jelas Yang Berhormat, mengukuhkan infrastruktur ICT disediakan harga rancangan sejumlah BND233.9 juta dengan peruntukan sebanyak BND55.5 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025; menyediakan pembekalan air bersih disediakan harga rancangan sejumlah BND226.6 juta dengan peruntukan sebanyak BND43.1 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025; kemudahan awam untuk urusan melalui jalan darat disediakan harga rancangan sejumlah BND114.8 juta dengan peruntukan sebanyak BND23.4 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025; memantapkan kecukupan sistem pengangkutan disediakan dengan harga rancangan sejumlah BND93.7 juta dengan peruntukan sebanyak BND20.7 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025;

mengukuhkan perkembangan syiar Islam disediakan harga rancangan sejumlah BND64.3 juta dengan peruntukan sebanyak BND10.1 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025; menangani risiko menghadapi bencana alam disediakan harga rancangan sejumlah BND62.5 juta dengan peruntukan sebanyak BND6.3 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025; serta menangani perubahan iklim disediakan harga rancangan sejumlah BND52.6 juta dengan peruntukan sebanyak BND526.1 ribu bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

"Untuk kajian disediakan harga rancangan sejumlah BND48.4 juta dengan peruntukan sebanyak BND1.9 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025; pembangunan industri disediakan harga rancangan sejumlah BND43.8 juta dengan peruntukan sebanyak BND1.1 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025; memajukan industri pelancongan disediakan harga rancangan sejumlah BND36.4 juta dengan peruntukan sebanyak BND7.2 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025; menaik taraf dan meningkatkan kadar penyambungan sistem pembentungan dan menjaga kualiti air sungai-sungai disediakan harga rancangan sejumlah BND34.5 juta dengan peruntukan sebanyak BND4.2 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025; dan mengukuhkan kelestarian alam sekitar disediakan harga rancangan sejumlah BND19.2 juta dengan peruntukan sebanyak BND692.9 ribu bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

"Di samping itu, penyediaan Pelan Induk seperti Pelan Induk

Sanitasi & Pembetulan bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), Pelan Daerah Brunei dan Muara disediakan harga rancangan sejumlah BND13.8 juta dengan peruntukan sebanyak BND271.8 ribu bagi Tahun Kewangan 2024/2025; memantapkan pembangunan sumber manusia disediakan harga rancangan sejumlah BND6.6 juta dengan peruntukan sebanyak BND66.1 ribu bagi Tahun Kewangan 2024/2025; mengukuhkan Pusat-pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi disediakan harga rancangan sejumlah BND1.5 juta dengan peruntukan sebanyak BND150 ribu bagi Tahun Kewangan 2024/2025, manakala peruntukan di bawah simpanan gagasan juga disediakan harga rancangan sejumlah BND33.6 juta dengan peruntukan sebanyak BND11.7 juta bagi keperluan-keperluan segera yang di luar jangkaan," ujar Yang Berhormat.

Sepertimana kelazimannya tegas Yang Berhormat, Jawatankuasa Kerja RKN akan terus memantau kemajuan projek-projek RKN di samping lawatan ke tapak-tapak projek dan pemantauan di peringkat pegawai di Bahagian RKN, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan pegawai fokal di setiap kementerian pelaksana projek.

Dengan bertambahnya jumlah projek daripada 221 projek dalam RKN-11 kepada 305 projek dalam RKN-12 tambah Yang Berhormat, InsyaaAllah, diharap akan memberikan peluang yang sangat berharga kepada semua pihak termasuk pihak swasta dalam sama-sama menyumbang bagi kemajuan NBD.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Oleh itu jelas Yang Berhormat, kejayaan pelaksanaan RKN-12 memerlukan kerjasama padu antara semua kementerian serta agensi-agensi bukan kerajaan termasuk sektor swasta dalam sama-sama berganding bahu bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar, sempurna, berkualiti dan mengikut perancangan masa yang telah ditetapkan serta berpandukan piawaian-piawaian dan amalan terbaik antarabangsa ke arah kejayaan Wawasan Brunei 2035.

"Sekianlah yang dapat kaola kongsikan sebagai mukadimah dalam pembentangan peruntukan RKN-12 bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

"InsyaaAllah, apa jua persoalan yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek kemajuan ini, kaola yakin rakan-rakan sejawat kaola sudah setentunya akan dapat memberikan penjelasan lanjut, selaku agensi-agensi pelaksana projek-projek kementerian masing-masing," ujar Yang Berhormat lagi mengakhiri pembentangannya.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



MENINGKATKAN KEMAHIRAN TENAGA KERJA ICT

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Satu rangka kerja Dasar Local Business Development (LBD) bagi Projek-projek ICT kerajaan telah dilancarkan pada Mac 2017 yang bertujuan untuk menilai penyertaan syarikat ICT tempatan yang berkebolehan dan seterusnya pembangunan kemahiran dan tenaga kerja tempatan.

Ini adalah membagikan dan memastikan peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan melalui pelaksanaan projek-projek transformatif digital tersebut.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha

berucap demikian pada hari ke-17 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, melalui rangka kerja LBD ini juga dihasratkan akan dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan termasuk pertambahan bilangan tenaga kerja mahir tempatan, pengambilan pekerja tempatan, latihan pekerja tempatan dan Perbelanjaan Kandungan Tempatan (Local Content Spending).

"Dalam pada masa yang sama melalui rangka kerja Brunei ICT Industry Competency Framework yang telah dilancarkan pada bulan

Ogos 2022 terdapat 20 peranan pekerja atau *job roles* dan 79 buah bidang kemahiran (competencies) yang telah ditetapkan. Sebanyak 32 *job roles* tambahan adalah dirancang untuk dibangunkan mulai tahun 2023-2025.

"Dalam hal ini, penelitian kajian secara berterusan juga diperlukan ke atas rangka kerja tersebut dalam memastikan peranan pekerjaan (*job roles*) dan *skill set* tersebut adalah bertepatan dengan perkembangan teknologi semasa," jelas Yang Berhormat semasa menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, mengenai *transfer of technology* atau *knowledge* kepada anak-anak tempatan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan pihak AITI juga turut

melancarkan Digital Upskilling Training Programme bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja ICT di negara ini di mana program tersebut menawarkan kursus untuk melatih dan meningkatkan kemahiran warga tempatan mengikut keperluan latihan yang dikenal pasti di dalam rangka kerja Brunei ICT Industry Competency Framework tersebut seperti kecekapan di dalam industri mengenai *data analytics*, Artificial Intelligence, *application development*, *network security*, *cyber security* dan sebagainya.

Dan melalui *project management framework* tambah Yang Berhormat juga disasarkan atau disarankan untuk memastikan kepentingan



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

latihan dan *knowledge transfer* bagi setiap projek bertujuan untuk mengurangkan ketergantungan kepada kontraktor.

Mendukung transformasi digital yang berterusan



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Usaha EGNC untuk menghasilkan pakar-pakar tersendiri untuk mendukung usaha transformasi digital, sukacita dimaklumkan dari 2021 sehingga kini, sebanyak 35 peratus pegawai dan kakitangan EGNC yang memerlukan kelulusan profesional telah memiliki Sijil Pengiktirafan Profesional atau Professional Certification dalam pelbagai bidang IT di mana telah menyumbang kepada adanya pakar-pakar rujukan dalam bidang-bidang IT yang tertentu.

Demikian yang dikemukakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia

Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha pada hari ke-17 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Di samping itu juga, Yang Berhormat sukacita juga mengongsikan bahawa beberapa pegawai pakar rujuk ini juga telah *dielevate* atau menjadi pakar rujuk bagi pihak kementerian dalam memberikan *consultancy* serta merangka hala tuju transformasi digital secara menyeluruh.

Tambah Yang Berhormat lagi, perkembangan kompetensi bagi Sektor ICT juga ditunduki oleh MISC Working Group on ICT yang diterajui oleh AITI di mana Brunei ICT Industry Competency Framework juga telah disediakan untuk melaksanakan pelbagai peranan kerja ICT dan berfungsi sebagai panduan komprehensif untuk pekerjaan ICT dan menyediakan latihan dan pensijilan profesional.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan mengenai peranan EGNC sebagai pusat yang mempunyai kepakaran digital transformasi. Ia salah satu peranan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan atau EGNC melalui penubuhannya pada 1 April 2028 ialah bertanggungjawab ke atas perancangan, pengambilan, pembangunan dan penempatan semua kakitangan IT dalam Perkhidmatan Awam.

Dalam hal ini, jumlah

kakitangan yang diperbantukan di kementerian-kementerian dan institusi-institusi pengajian tinggi adalah sebanyak 59 peratus daripada *head count* EGNC secara menyeluruh dan berperanan dalam membantu dalam usaha digital transformasi agensi-agensi kerajaan.

"Selain itu, melalui memorandum kerjasama di antara agensi seperti dengan Universiti Teknologi Brunei serta memorandum persefahaman bersama dengan negara sahabat seperti negara-negara ahli ASEAN dan Republik Korea akan memudahkan lagi dan menyediakan peluang untuk bekerjasama serta bertukar fikiran dengan pakar-pakar industri yang lain dalam membantu EGNC menyusun strategi dan hala tuju memudah cara transformasi digital secara menyeluruh.

"Berhubung dengan Brunei Solution Development Centre (BSDC) iaitu Capacity and Monitoring Program (CMP) penubuhan Brunei Solution Development Centre (BSDC) pada satu ketika dahulu bertujuan untuk membantu pembangunan industri ICT dan membina kepakaran kemahiran anak-anak tempatan di mana penyediaan aplikasi perisian *made in Brunei*," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, BSDC juga menyediakan Capability dan Mentoring Programme di mana 38 graduan daripada lima pengambilan telah selesai dijalankan dan berjaya mendapat pensijilan Microsoft Certified Solution Developer Share Point.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan sebanyak sembilan buah syarikat ICT

tempatan yang bertaraf mikro iaitu kurang daripada empat orang pekerja telah mengambil bahagian dalam program IT Vendor di mana enam buah syarikat adalah hasil daripada graduan CMP tersebut. Sehingga kini masih terdapat sejumlah daripada *technopreneurs* melalui IT Vendor yang masih kekal beroperasi contohnya Cube Box Solution, HAD Technologies dan Techno Net Sdn. Bhd. antara lainnya.

Dalam pada itu, jelas Yang Berhormat, EGNC juga telah mengembangkan peranannya melalui penubuhan bahagian perkhidmatan digital yang bertanggungjawab di dalam pembinaan *online application forms* dan seterusnya menambah baik proses manual ke digital. Sehingga kini terdapat 19 aplikasi yang telah dibangunkan oleh bahagian ini termasuk Travel Port App dan MTIC Runner di mana telah digunakan oleh warga awam.

"Di samping itu juga, dalam hasrat untuk mengembangkan lagi peranan EGNC juga sedang

giat dalam proses *organization review* di mana antara objektif inisiatif ini ialah untuk mereview pembangunan kapasiti ke arah penambahbaikan aplikasi melalui kaedah-kaedah terkini seperti DevOps, Adoption dan Law Court Platform. Inisiatif ini juga dirancang sesuai dengan objektif projek GOV.BN 2.0 iaitu salah satu projek RKN-12 akan membantu di dalam mempercepatkan pendigitalan proses-proses agensi kerajaan dengan lebih mudah.

"Sebagai kesinambungan daripada inisiatif CMP tersebut, beberapa inisiatif baharu telah disediakan umpamanya seperti program-program Tech Clinic dan TechInspire di bawah AITI, IT Academy Huawei dan program-program di bawah DARE dan Brunei Innovation Lab," ujar Yang Berhormat bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof.



ANTARA yang hadir pada persidangan tersebut.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



MENGAWAL SELIA INDUSTRI PENERBANGAN AWAM

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menyatakan bahawa Perintah Penerbangan Awam 2006 (Civil Aviation Order 2006) masih diguna pakai dan masih relevan dalam mengawal selia industri penerbangan awam iaitu sebagai *high level legislation* dan yang utama adalah Jabatan Penerbangan Awam telah menyediakan Brunei Aviation Requirements iaitu peraturan-peraturan teknikal yang perlu dipenuhi oleh industri penerbangan.

Ini kongsi Yang Berhormat seperti permohonan GallopAir untuk menyediakan penerbangan yang berdaftar di negara ini dan juga termasuk *foreign aircraft operator* seperti yang telah dikeluarkan kepada Air Asia, Singapore Airlines, Malindo dan Cebu Pacific.

Terdahulu, Yang Berhormat mengongsikan sedikit latar belakang mengenai projek konsultasi di antara Jabatan Penerbangan Awam dan Civil Aviation Authority International

Limited, United Kingdom yang telah dirujuk, salah satu bahagian dari Civil Aviation Authority International Limited, United Kingdom bermula pada penghujung tahun 2014 dan berjalan selama dua tahun.

“Objektif projek konsultasi ini ialah untuk membantu Jabatan Penerbangan Awam dalam mensiapiagakan dirinya untuk menjadi Penguat kuasa Penerbangan Awam bagi Negara Brunei Darussalam yang memenuhi piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa atau International Civil Aviation Organization.

“Di antara piawaian adalah untuk Jabatan Penerbangan Awam menyediakan Aviation Safety dan Security Oversight System. Projek konsultasi ini merangkumi beberapa *work streams* dan antaranya adalah menyediakan Rangka Kerja Perundangan Penerbangan Awam (Civil Aviation Legislative Framework) yang meliputi bukan saja *mereview* Civil Aviation Order 2026 bahkan beberapa *regulations* yang lain berkaitan penerbangan awam,” jelas Yang Berhormat Menteri pada hari ke-17 Mesyuarat Pertama

dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, rangka kerja ini juga telah memerlukan Jabatan Penerbangan Awam untuk menyediakan beberapa peraturan-peraturan teknikal yang berupa Brunei Aviation Requirements bagi industri penerbangan awam dan penstrukturan Jabatan Penerbangan Awam juga diperlukan dalam memastikan kerja-kerja pengawalseliaan adalah *independent* daripada peranan lain jabatan itu iaitu Perkhidmatan Lapangan Terbang dan Navigasi Udara.

Manpower review jelas Yang Berhormat juga diadakan bukan saja dalam mengenal pasti jumlah *aviation inspector* yang diperlukan, malah juga *competency requirements* termasuk latihan-latihan teori dan amali tahap *qualification* yang bersesuaian.

“Dalam membantu *aviation inspectors* menjalankan tugas-tugas secara tulus dan teratur, *set of processes procedures* dan *checklist* juga telah disediakan. Secara amnya dengan adanya projek konsultasi tersebut, Jabatan Penerbangan Awam

telah pun menjalankan *risk assessment* dan mengenal pasti kekurangan-kekurangan, yang mana sebahagian besarnya telah pun ditunduki.

“*Self-assessment* juga telah dijalankan secara berkala dalam menilai apa setiap tahap *aviation safety* dan *security oversight system* mengikut soalan-soalan audit yang disediakan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa,” ujar Yang Berhormat bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Berhubung dengan kemampuan dan kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, menurut Yang Berhormat sepertimana yang dikongsikan, operasi *airport* masih di bawah kapasiti. Dari segi pergerakan penumpang, *cargo transfer* dan juga *in terms of* kemampuan untuk membuat *security screening* kepada bagasi dan seumpamanya.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat lagi dari segi kapasiti *airport* pada masa ini kita hanya, memenuhi 40 peratus slot penerbangan yang digunakan. Ini bermakna Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei masih mempunyai slot penerbangan untuk mengendali penerbangan-penerbangan



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

berjadual dan juga sewa (*chartered*).

“Jadinya, berhubung dengan kemampuan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk menampung pertumbuhan, pada masa ini masih di bawah kapasiti dan jika perlu diperkembangkan lagi ia akan memang dirancang tetapi pada masa ini mengambil kira operasi sekarang ini masih *under capacity* dan jika kita semakin dekat kepada mengoptimumkan (*maximizing*) kapasiti memang dirancang untuk pengembangan lapangan terbang tersebut akan dilihat,” jelas Yang Berhormat lagi.

Kaedah, peralatan, sistem mengikut kesesuaian keadaan negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-11 mengenai pengangkutan awam telah dibatalkan. Oleh sebab itu, tidak ada peruntukan untuk membuat kerja-kerja setakat ini, untuk membuat cadangan dalam RKN Ke-12 ini.

Perkara demikian dijelaskan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa menjawab soalan mengenai projek pengangkutan awam yang disuarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin pada hari ke-17 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

“Jika mengikut proses perolehan (*procurement process*) yang betul, *we cannot do tendering and all that* sebelum ada bajet. Oleh yang demikian,

dengan mengambil inisiatif untuk memulakan proses ini awal, proses Request for Information telah dikeluarkan,” jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Tambah Yang Berhormat lagi, tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat terkini, terutama daripada kaedah teknologi atau peralatan, bukannya dari sistem.

“Tetapi *because we only know what we know*. Tujuan untuk mengeluarkan RFI ialah untuk mendapatkan maklumat lanjut atau maklumat terkini lagi mungkin terdapat kaedah-kaedah, peralatan atau sistem-sistem yang lebih canggih atau lebih sesuai kepada keadaan negara *kitani*. Sebab itulah tujuannya RFI tersebut,” ujar Yang Berhormat.

Kemudian, berhubung dengan *survey* yang dilakukan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi seterusnya menjelaskan bahawa ia juga sudah disuarakan pada tahun lepas di majlis ini untuk mengendalikan *survey*.

“Jadinya mengambil baik cadangan tersebut, kementerian

ini juga melakukan *survey* mengenai *public transport*. Darpada ini masih dalam penelitian, akan tetapi respons-respons menunjukkan *valuable information*.

“Walaupun hanya sebanyak 1,570 orang responden yang mana terdiri daripada warga tempatan tetapi dengan memberi cadangan-cadangan penambahbaikan pun, *in terms of* kemungkinan *dorang* menaiki bas awam masih rendah. Itu salah satu perkara yang perlu diambil kiralah juga mengenai *one of the reasons* cadangan yang dahulu dibatalkan. Itulah isu mengenai *potential viability system*.

“Dalam pada itu, *that’s why kitani* tidak hanya *when we talk about mobility* ini, tidak hanya bersandarkan kepada bas awam. *That’s why* kita mengendalikan mungkin ikut kesesuaian *society kitani on demand transportation* ini lebih menarik.

“Apa yang menjadi *resistance* mengenai kosnya yang dianggap masih tinggi. Itulah di antara perkara-perkara yang akan ditangani. Itulah *the reason* dikeluarkan RFI ini untuk

Oleh : Nooratin Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

mendapat maklumat lanjut mengenainya,” jelas Yang Berhormat lagi.

Oleh yang demikianlah juga, selain daripada perbelanjaan BND4.7 juta tersebut itu juga terang Yang berhormat lagi adalah untuk prasarana bas awam. Tetapi *the smart transport*

system itu sistem pemboleh untuk kepada *online demand*.

Malah, Yang berhormat menyatakan bahawa dengan kerajaan yang menyediakan sistem tersebut boleh menurunkan kos kepada operasi pengangkutan awam berkenaan.



ANTARA yang hadir pada persidangan tersebut.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PEMANTAUAN PROJEK RKN DENGAN LEBIH BERKESAN



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa mempengerusikan mesyuarat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Pada hari ke-17 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Menteri di Jabatan Perdana

Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengongsikan cara-cara memantau projek-projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) iaitu dengan melawat ke tapak-tapak, mengadakan

perbincangan dengan kementerian-kementerian secara *ad-hoc* ataupun secara berjadual di samping, mengongsikan perkongsian ilmu, iktibar daripada projek-projek RKN sebelum ini di mana dapat dipelajari.

"Dalam pembentangan Kertas Perbekalan 2 ke 3 minggu yang lepas mengenai satu sistem yang *kitani* akan siap. Alhamdulillah, akan dilancarkan pada 1 April iaitu TAFIS 2.0.

"Jadi modul ini membolehkan *kitani* memantau projek-projek RKN yang lebih berkesan dan akan meningkatkan lagi cara-cara *kitani* merancang projek-projek pada peringkat rancangan, tawaran dan sebagainya," jelas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menjawab persoalan mengenai pemantauan projek-projek RKN yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan beberapa langkah telah diambil dan memang perkara ini merupakan satu usaha berterusan untuk sama-sama meningkatkan lagi cara memantau projek-projek kita.

Seterusnya, mengenai dengan Pusat Kesihatan di Kampung Pandan pada masa ini, Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa tidak lagi menyediakan dalam RKN kerana projek ini akan menggunakan Public Private Partnership yang melibatkan sektor swasta.

"Sama-sama *kitani* membangun Pusat Kesihatan. Ini merupakan satu usaha dari Kementerian



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Kesihatan," ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II lagi.

Pencapaian *connectivity* lebih daripada 90 peratus

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Pada masa ini, kerja UNN ini memang tidak masuk dalam Rancangan Kemajuan Negara, perbelanjaan itu dibiayai oleh UNN sendiri iaitu sebuah Government Link Companies.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyatakan perkara itu semasa menjawab soalan mengenai *connectivity* terutama sekali di kawasan pedalaman yang dikemukakan

oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir pada hari ke-17 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Jadi untuk menjawab juga pada masa ini memang kerja UNN itu diteruskan menyambung yang bernama Optic Fibre kepada kawasan-kawasan pedalaman seperti di Mukim Sukang dan sebagainya.

"Jadi mengambil kira *accessibility* kepada kawasan pedalaman itu, memang ada cabarannya jadi memang tidak terdapat jalan raya dan sebagainya. Jadi lebih mengambil masa untuk memasang Optic Fibre dan sebagainya," jelas

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat seterusnya berkata bahawa setakat ini *connectivity* dalam negeri bagi *mobile* dan *broadband* telah mencapai lebih daripada 90 peratus. Pada masa ini memang *percentage* ini mungkin akan meningkat lagi pada masa akan datang.

Seterusnya, bagi soalan mengenai dengan Law Latency Cloud Services yang diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menegaskan pada masa ini memang UNN ada mengoffer *cloud services*.

"Jadi soalan mengenai dengan *low latency* memang *kitani* sudah memasang 5G pada masa ini, jadi ini memang sudah *improved* sudah *latency* jadi *kitani* ikutlah yang *latest technology*. Kalau bagi *connectivity* ini memang 5G ini lebih baik daripada 4G dari segi *latency*.

"Dalam dunia pada masa ini, yang paling tinggi 5G jadi *kitani* sudah ikut 5G yang *the best latency that we can have* jadi *we cannot do more than that* itu sahaja jawapan kaola," ujar Yang Berhormat lagi.

"JADI soalan mengenai dengan *low latency* memang *kitani* sudah memasang 5G pada masa ini, jadi ini memang sudah *improved* sudah *latency* jadi *kitani* ikutlah yang *latest technology*. Kalau bagi *connectivity* ini memang 5G ini lebih baik daripada 4G dari segi *latency*".



AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada persidangan berkenaan.



Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



Mempertingkatkan kestabilan bekalan elektrik

Oleh : Nooradini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan peruntukan *kitani* ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik pada masa ini sejumlah

BND400 juta di bawah RKN-12 ini tidak lagi *specific* mana-mana projek yang akan dilaksanakan. Malah, Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa bajet tersebut diperuntukkan untuk mana-mana sahaja.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya

menjelaskan ia memang dalam Perbelanjaan Berulang-ulang untuk *kitani maintenance* dan sebagainya. Bukan dalam bajet Rancangan Kemajuan Negara (RKN), kalau sekiranya ada projek yang memerlukan *kitani* mengubah lokasi *cable*, *overhead cable* dan sebagainya.

Semasa menjawab soalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman mengenai elektrik,

Kalau ada *overhead cable*, kalau sekiranya ada pokok jatuh, putus dan sebagainya.

"As and when juga kalau ada diperlukan mereka boleh menggunakan bajet ini. Jadi daripada *kitani* khaskan ke beberapa projek ini adalah terikat, peruntukan ini tidak lagi dapat digunakan untuk projek-projek yang *ad hoc*."

"Ini kira satu cara yang baharu untuk *kitani* sediakan untuk elektrik BND400 juta untuk mana-mana sahaja kerja yang perlu dibuat untuk meningkatkan lagi *stability* dan *reliability electric supply* di dalam negeri. Itu sahaja," tambah Yang Berhormat pada hari ke-17 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

"INI kira satu cara yang baharu untuk *kitani* sediakan untuk elektrik BND400 juta untuk mana-mana sahaja kerja yang perlu dibuat untuk meningkatkan lagi *stability* dan *reliability electric supply* di dalam negeri. Itu sahaja".

MENDUKUNG PERKONGSIAN DATA ANTARA AGENSI KERAJAAN, SWASTA



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Satu usaha dalam membentuk Data Sharing Working Group Committee telah diadakan yang dihasratkan untuk bertanggungjawab dalam memastikan dan mendukung pelaksanaan perkongsian data di antara agensi sama ada agensi kerajaan dan pihak swasta serta memberikan nasihat dan memastikan kepatuhan agensi kerajaan terhadap dasar dan prosedur yang telah ditetapkan berkaitan dengan perkongsian data.

Demikian yang dijelaskan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha pada hari ke-17 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan

Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan berhubung Data Framework dan Data Governance bagi mewujudkan keharmonian dan *interoperability* di antara jabatan-jabatan kerajaan terutama sekali bagi keperluan perkongsian data.

Beberapa perancangan dan inisiatif telah dilaksanakan dan antaranya adalah membuat kajian terhadap keperluan Data Management Framework dan kandungannya bagi menyediakan *structured approach* dalam pengurusan dan pentadbiran data dalam kerajaan.

Ini tambah Yang Berhormat adalah bagi memastikan data *quality*, *accessibility* dan *security*. Pembangunan Data Management Framework ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan ia akan membantu kerajaan dalam pengurusan data yang lebih efektif dan efisien.

"Pada masa ini, penyelidikan sedang dijalankan yang mana *framework* itu nanti akan mengandungi garis panduan, proses dan prosedur berkaitan data seperti Data Governance, Data Security, Data Interoperability dan Integration dan sebagainya."

"Sedang dalam pelaksanaan masa ini ialah pengumpulan maklumat dan analisis terhadap sistem dan Data Dictionary yang sedia ada bagi keperluan penyediaan Data Standardization dan pembangunan Data Reference Model dan Data

Catalogue," ujar Yang Berhormat bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Selain daripada itu, Yang Berhormat mengongsikan pada tahun 2022, EGNC juga telah melaksanakan Data Maturity Assessment kepada semua agensi kerajaan dengan tujuan untuk mengenal pasti kematangan agensi-agensi kerajaan dalam pengurusan dan penggunaan data sebagai bahagian daripada

Digital Transformation Plan dan seterusnya untuk mengenal pasti keupayaan agensi data, memanfaatkan data yang diperlukan dalam era digital dan untuk membangunkan keupayaan evolusi berterusan.

Hasil daripada penilaian tersebut mendapati penggunaan Business Intelligence atau Data Analytics adalah masih terlalu rendah dan belum diterapkan sepenuhnya. Oleh yang demikian, adalah diharapkan melalui inisiatif-inisiatif ini akan

dapat menghasilkan landskap data yang selamat, telus dan berguna bagi agensi-agensi kerajaan.

Menurut Yang Berhormat lagi, bagi memperkuat keupayaan untuk membuat keputusan yang berasaskan data dan memberi manfaat kepada rakyat secara menyeluruh. Ini juga adalah merupakan *precursor* kepada dua projek RKN-12 seperti Data Analytics as a Service dan Sistem Pengurusan Rekod (SpeRe).



SEKITAR Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Mesyyuarat Pertama dari Musim Permesyyuaratan Ke-20 Majlis Mesyyuarat Negara



PELUANG TINGKATKAN SUMBANGAN SEKTOR PENGANGKUTAN, INFOKOMUNIKASI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha berkata dalam mendukung tema belanjawan negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025, iaitu 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' serta mengambil kira peranan asas dan tanggungjawab Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC).

Pelan Strategik MTIC 2025 dengan peruntukan yang telah disediakan, perancangan dan peluang-peluang penambahbaikan yang dikenal pasti akan dapat meningkatkan dan memantapkan lagi sumbangan Sektor Pengangkutan

dan Infokomunikasi di dalam pembangunan negara.

Demikian dinyatakan dalam pembentangan mukadimah belanjawan bagi MTIC pada hari ke-16 Mesyyuarat Pertama dari Musim Permesyyuaratan Ke-20, Majlis Mesyyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

"Khususnya yang meliputi tiga perkara yang kekal menjadi pemacu nilai atau *value driver* MTIC, iaitu menjamin keselamatan sektor pengangkutan dan juga alam siber; meningkatkan kesejahteraan orang ramai melalui penyediaan perkhidmatan yang cekap, bersih serta memanfaatkan teknologi; dan pemudah cara bagi mendukung kemajuan ekonomi

dan pembangunan negara yang mampan," jelas Yang Berhormat Menteri.

Dalam pembentangan mukadimah belanjawan bagi MTIC, Yang Berhormat Menteri menjunjung kasih setinggi-tingginya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas peruntukan sejumlah BND138,394,150 bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025 untuk MTIC.

"BND113,584,280, iaitu 82 peratus terdiri daripada perbelanjaan biasa termasuk gaji kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-ulang; dan selebihnya sebanyak BND24,809,870, iaitu 18 peratus adalah terdiri daripada perbelanjaan untuk membiayai Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12 bagi Tahun Kewangan 2024/2025 kepada

MTIC dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Menteri turut mengongsikan bagi Tahun Kewangan 2023/2024, bagi jabatan-jabatan di bawah kawalan MTIC juga telah dapat menyumbang kepada pendapatan kerajaan sebanyak lebih daripada BND33 juta.

Selain daripada itu tambah Yang Berhormat Menteri, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Negara Brunei Darussalam (AITI) telah menyumbangkan hasil mereka sebanyak BND20.9 juta.

Manakala Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) jelas Yang Berhormat Menteri, akan menyumbangkan sebanyak BND50 juta kepada kerajaan daripada pendapatan terkumpul mereka di beberapa tahun kebelakangan ini.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

"Ini jelas menunjukkan bahawa Sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi berperanan penting dalam menjana hasil pendapatan untuk kerajaan," ujar Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi lagi.

Inisiatif pendigitalan perkhidmatan JPD

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Transformasi pengurusan organisasi dan urus tadbir Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) termasuk projek-projek pendigitalan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan darat adalah merupakan satu inisiatif ke arah penambahbaikan lagi perkhidmatan kepada orang ramai dan pengukuhan budaya kerja tulus dalam kalangan pegawai dan kakitangannya.

"Sebagai contoh, platform NomborKu yang telah diperkenalkan pada tahun 2021 merupakan satu platform dalam talian yang membolehkan orang ramai menyertai tawaran Tanda Pengenal Kenderaan (TPK) yang sedia ada.

"Alhamdulillah, setakat ini terdapat beberapa ciri yang telah ditambah dan dimasukkan seperti Click & Buy, Click & Bid dan Click & Search yang menghasilkan peningkatan ketelusan dan integriti dalam tadbir urus mengenal pasti TPK.

"Dengan adanya NomborKu, tempoh proses penilaian telah pun dikemas kini dan dipendekkan dari 130 hari ke enam hari sahaja," jelas Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha ketika mengongsikan perkara tersebut semasa membentangkan mukadimah belanjawan bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) pada hari ke-16 Mesyyuarat Pertama dari

Musim Permesyyuaratan Ke-20, Majlis Mesyyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Seterusnya Yang Berhormat berkata Rancangan Kemajuan Negara peruntukan sebanyak BND8,749,000 telah disediakan bagi Projek Pendigitalan Perkhidmatan-perkhidmatan Pengangkutan Darat atau dikenali sebagai projek DriveBN.

"Ia bertujuan untuk mengganti dan menaik taraf sistem yang diguna pakai pada masa ini.

"Ia juga akan dijadikan pemangkin atau *catalyst* bagi memantapkan lagi sistem pengurusan, pentadbiran dan efisiensi JPD secara menyeluruh atau *end-to-end*.

"Untuk makluman, melalui projek DriveBN ini, dijangka bahawa proses-proses kerja dalam JPD boleh dikurangkan daripada 104 proses kepada 33 proses meningkatkan lagi dalam pilihan perkhidmatan *online* daripada 4 peratus kepada 100 peratus.

"Melalui projek ini, insyaaAllah ia akan dapat mencapai sasaran KPI di bawah Pelan Strategik MTIC 2025 *refresh*, iaitu 100 peratus pendigitalan proses perkhidmatan dan pada yang sama, dapat mengurangkan risiko serta impak negatif yang telah dikenal pasti dari carta risiko, iaitu 'keusangan sistem IT yang lama' serta dapat meningkatkan lagi pencapaian jabatan dalam mencapai sekurang-kurangnya tiga bintang

dalam Program Penggredan Prestasi Sektor Awam yang diumumkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

"Adalah dihasratkan inisiatif-inisiatif ini akan dapat mempertingkatkan ketelusan dan integriti perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh JPD," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) akan terus melaksanakan usaha bersepadu dengan agensi-agensi berkepentingan bagi menjadikan jalan raya lebih selamat untuk semua pengguna.

Beberapa inisiatif tambah Yang Berhormat, telah pun diumumkan bagi terus mendukung pelaksanaan pelan-pelan strategik yang sedia ada seperti melaksanakan aktiviti ko-kurikulum keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah dan jua bagi memupuk budaya keselamatan jalan raya bagi semua pengguna; membuat rangka kerja dan kerjasama dengan pihak Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam mengendalikan program / aktiviti / kempen ke arah meningkatkan lagi keselamatan jalan raya; menjalankan Program Penilaian Jalan Raya Antarabangsa (International Road Assessment Program) bagi lebuh raya dan jalan utama di Negara Brunei Darussalam; dan membarigakan 'Highway Code' edisi 2023 yang telah dikemas kini dan dilancarkan, edisi

tersebut juga menekankan perihai tingkah laku semasa memandu.

Selain itu tambah Yang Berhormat, menjalankan kegiatan penguatkuasaan dan dikongsikan pada tahun 2023, sebanyak 235 kegiatan penguatkuasaan melalui sekatan jalan raya dan 14 Operasi Sepadu telah dijalankan bersama pihak Pasukan Polis Diraja Brunei.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, bagi sektor pengangkutan laut, walaupun belanjawan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) tidak termasuk di dalam belanjawan MTIC, namun kementerian ini masih bertanggungjawab bagi menduduki sektor ini.

MPABD memainkan peranan utama dalam memastikan keselamatan kapal-kapal dagang yang masuk dan keluar di pelabuhan-pelabuhan di negara dan juga perlindungan terhadap alam sekitar marin dengan melaksanakan kerja-kerja selaras dengan piawaian Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO).

"Alhamdulillah pada awal tahun 2023, pihak MPABD telah mula menguatkuasakan perlesenan ke atas 25 jeti yang digunakan oleh kapal-kapal dagang dalam usaha untuk memastikan jeti-jeti berkenaan memenuhi syarat-syarat keselamatan dan prosedur pengendalian (SOP) yang telah ditetapkan.

"Pada tahun 2023, jumlah trafik kapal masuk dan keluar juga telah menunjukkan jumlah tertinggi,

iaitu sebanyak 12,801 buah kapal berbanding kepada lima tahun kebelakangan ini," jelas Yang Berhormat.

Sementara itu Syarikat Muara Port Company Sdn. Bhd. ataupun MPC ujar Yang Berhormat, telah memulakan beberapa inisiatif untuk menerokai peluang untuk meningkatkan lagi jumlah perdagangan, dan untuk menampung keperluan kapasiti yang semakin meningkat, MPC juga akan melaksanakan Projek Pengembangan dan Pengubahsuaian Pelabuhan Muara (Muara Port Expansion and Renovation Project).

"InsyaaAllah, kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2024 ini dan siap pada tahun 2027.

"Melalui projek ini, pihak MPC menjangka peningkatan *volume throughput* melalui Pelabuhan Muara daripada sebanyak 220 ribu TEU pada masa ini kepada 500 ribu TEU setelah pembinaan selesai.

"Dalam hubungan ini, selaras dengan perancangan pihak MPABD, selain daripada usaha berterusan untuk meningkatkan tahap keselamatan, tumpuan juga akan diberikan dalam usaha meningkatkan industri maritim di negara ini, khususnya dalam meningkatkan lagi *local content* yang masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan lagi," jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi lagi.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



RANCANGAN MEMBINA, ADAKAN PERKHIDMATAN KERETA API DI KEPULAUAN BORNEO

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) ingin memaklumkan bahawa terdapat dua buah syarikat yang memaparkan cadangan projek membina dan mengadakan perkhidmatan kereta api yang menghubungkan negara-negara di Kepulauan Borneo, iaitu Negara Brunei Darussalam; Negeri Sabah dan Sarawak, Malaysia; serta Kalimantan, Indonesia.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menyatakan perkara tersebut ketika membentangkan mukadimah belanjawan bagi MTIC pada hari ke-16 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Walau bagaimanapun setakat ini jelas Yang Berhormat, belum ada perbincangan rasmi di peringkat kerajaan mengenainya, akan tetapi di peringkat ASEAN ada terdapat satu *sub-working group*, iaitu ASEAN Railway Sub-Working Group yang membincang hal-hal berkaitan mengenai *railway connectivity* di dalam ASEAN.

"Pihak MTIC mengambil maklum tentang aspirasi syarikat-syarikat berkenaan untuk

mengadakan perkhidmatan kereta api di Kepulauan Borneo dengan tujuan untuk meneruskan ketersambungan (*connectivity*) dan mobiliti di Pulau Borneo dan pada masa yang sama ia masih memerlukan kajian lanjut dari syarikat-syarikat berkenaan terutama dari segi kebolehlaksanaan, pelaburan, liabiliti dan komitmen dari pihak-pihak yang berkepentingan termasuk mengambil kira sebarang komitmen di peringkat kerajaan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menambah, Sektor Pengangkutan ini juga sering dikaitkan dengan isu perubahan iklim oleh kerana Sektor Pengangkutan adalah salah satu sektor penyumbang kepada pengeluaran gas rumah hijau.

Contohnya jelas Yang Berhormat, Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) telah memperkenalkan resolusi matlamat aspirasi jangka Panjang (LTAG) pelepasan karbon dioksida (CO₂) sifar bersih menjelang tahun 2050.

Komitmen ini tambah Yang Berhormat, adalah serupa dalam struktur dengan Strategi Gas Rumah Hijau Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) yang juga mempunyai matlamat, agar pelepasan GHG daripada perkapalan antarabangsa mencapai sifar-bersih pada atau

sekitar, tahun 2050.

Oleh yang demikian jelas Yang Berhormat, komitmen negara ke arah pelepasan sifar bersih (*net zero emissions*) menjelang tahun 2050 dan strategi-strategi di bawah Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (NBD) (Brunei Darussalam National Climate Change Policy - BNCCP), kementerian ini juga tidak ketinggalan untuk mendukung hasrat negara dalam menangani perubahan iklim.

Tambah Yang Berhormat, Jabatan Penerbangan Awam telah menghasilkan Pelan Tindakan bagi pengurangan pelepasan penerbangan atau Action Plan on Reduction of Aviation Emissions kepada International Civil Aviation Organisation (ICAO).

Dokumen ini terang Yang Berhormat, akan digunakan sebagai panduan bagi NBD melaporkan sebarang inisiatif dan usaha yang berkaitan dengan pengurangan emisi karbon dioksida dan perkara ini juga adalah hasil kerjasama rapat dengan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei) yang mana pelan-pelan tindakan ini turut mengongsikan sukat-sukat bagi cara mengurangkan impak terhadap alam sekitar bagi sektor penerbangan awam.

"Manakala bagi Sektor Pengangkutan Darat, Strategi 3 Dasar Perubahan Iklim NBD telah menyatakan bahawa Kenderaan Elektrik atau EV sebagai strategi utamanya, walau bagaimanapun inisiatif lain juga diusahakan

untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau daripada pengangkutan darat, termasuk memperluaskan kenderaan cekap atau lebih efisien, rendah karbon atau tenaga baharu yang lain, dan mewujudkan infrastruktur untuk menggalakkan perjalanan cekap dan lancar.

"Berikutan dengan tamatnya projek perintis EV pada bulan Mac 2023, skim lesen kenderaan EV sementara telah pun diperkenalkan, serta penggunaan standard rujukan keselamatan kenderaan EV telah memudahkan peningkatan bilangan EV dan kepelbagaian model dibawa masuk ke dalam pasaran NBD.

"Sehingga akhir Disember, 2023, sejumlah 64 buah EV telah didaftarkan yang terdiri daripada 12 jenis model EV, dan 17 stesen pengecas EV telah dipasang dengan pelbagai tahap kebolehcapaian awam dan ini adalah di samping pengecas EV yang dipasang di rumah pemilik EV itu sendiri, ujar Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat mengongsikan mengenai hal pemantauan cuaca dan iklim, Jabatan Kajuca Brunei Darussalam (BDMD) berperanan untuk memastikan dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan kaji cuaca dan iklim menepati kehendak pengguna dan boleh membantu dalam membuat keputusan oleh sektor-sektor masyarakat yang berkaitan,

dan untuk mengurangkan risiko dan kesan potensi bahaya yang disebabkan oleh cuaca, iklim, air dan elemen-elemen persekitaran yang berkaitan.

BDMD jelas Yang Berhormat juga dapat menghasilkan Numerical Weather Prediction (NWP) dan World Research Forecast model (WRF) dengan resolusi 10 kilometer (km) dan 5km untuk diguna pakai bagi penyediaan ramalan, nasihat dan amaran cuaca kepada orang ramai.

"Bagi tahun 2023, sebanyak 307 amaran cuaca telah dikeluarkan dan 29 nasihat cuaca telah dikongsikan kepada orang ramai.

"Anggaran belanjawan bagi BDMD bagi Tahun Kewangan 2024/2025 adalah BND4,677,595 yang terdiri daripada perbelanjaan biasa dan juga sebanyak BND3,324,100 dan BND1,353,495 yang merupakan perbelanjaan kemajuan, iaitu sebahagian daripada harga rancangan RKN-12 berjumlah BND6,758,895 bagi projek-projek penggantian Airport Automatic Weather Observation System (AWOS) dan Next Generation Integrated Weather Analysis, Forecast and Warning," Yang Berhormat Menteri lagi.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

juga turut mengongsikan mengenai Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) telah diperuntukkan sebanyak BND54,242,143 bagi perbelanjaan biasa dan perbelanjaan kemajuan, iaitu sebahagian daripada Harga Rancangan RKN-12 bagi projek-projek EGNC yang berjumlah BND25,642,103 bagi menampung projek-projek Pusat Data Kerajaan dan Infrastruktur 'Cloud'; Software Defined Network (SDN) Infrastructure; Data Analytics As A Service (DAaaS); Sistem Pengurusan Rekod (SPeRe); dan GOV.BN 2.0.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan mengenai dua projek tersebut di atas yang lebih berunsur kepada penambahbaikan pemberian khidmat kepada orang ramai, iaitu Projek GOV.BN 2.0 dan SPeRe.

Projek GOV.BN 2.0 tambah Yang Berhormat, adalah bagi menyediakan satu *single service portal* untuk orang ramai mendapatkan perkhidmatan kerajaan secara dalam talian dengan cepat dan mudah.

>> Muka 13

Pastikan ruang siber lebih selamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Dalam era digital pada masa ini, tidak dapat dinafikan bahawa orang ramai kini banyak bergantung dengan teknologi maklumat dan komunikasi serta akses internet dalam menjalani pelbagai aspek rutin harian.

Dengan ini, orang ramai sebagai pengguna boleh terdedah dengan ancaman jenayah siber seperti penipuan dalam talian, berita palsu, maklumat berunsur fitnah, kebocoran data peribadi dan juga melalui pelbagai platform dan juga boleh berunsur rentas sempadan.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menjelaskan perkara tersebut ketika membentangkan mukadimah belanjawan bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) pada hari ke-16 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

"Dalam hubungan ini, perkara ini diambil perhatian serius dan dengan memanfaatkan pendekatan bersepadu, Jawatankuasa Kebangsaan Keselamatan Siber (JKKS) akan meneruskan usaha ke arah memastikan ruang siber yang lebih selamat dan menangani

aspek yang berkait rapat dengan keselamatan siber, iaitu manusia; proses; dan teknologi.

"Ia juga ditubuhkan untuk memantau dan mengemas kini National Cyber Security Strategy (NCSS) dalam memastikan pelaksanaannya berjalan dengan teratur," jelas Yang Berhormat.

MTIC ujar Yang Berhormat, komited dalam memastikan persekitaran digital yang selamat dan terjamin untuk semua pengguna dan dalam hal ini, sebanyak BND8.75 juta telah diperuntukkan bagi pengurusan keselamatan siber bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Menurut Yang Berhormat, di antara usaha Cyber Security Brunei (CSB) dalam mewujudkan ekosistem digital yang *resilient* adalah pelaksanaan Perintah Keselamatan Siber, 2023 ataupun Cyber Security Order, 2023.

Ini tambah Yang Berhormat, akan menjadi salah satu fokus utama CSB bagi tahun kewangan manakala bagi Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI), mereka akan menumpukan perhatian kepada penyediaan rangka kerja perundangan bagi perlindungan data peribadi.

Seterusnya Yang Berhormat berkata kempen-kempen kesedaran awam yang giat diusahakan melalui BruCERT dengan menggunakan pelbagai *delivery channels* sama ada melalui media tradisi seperti

televisyen dan radio dan juga baharu seperti melalui media sosial, akan diteruskan, agar tidak ada kelompok masyarakat yang tercicir dalam mengetahui risiko keselamatan dalam penggunaan berbagai-bagai platform yang tersedia di dalam talian.

"Selain daripada itu, Content Advisory Council (CAC), yang mana MTIC melalui AITI dan pihak Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Urus Setia Bersama bertanggungjawab dalam memantau kandungan yang diedarkan melalui Internet atau media sosial dan akan mengambil tindakan pengawalan termasuk tindakan undang-undang, jika perlu.

"Di samping itu, pihak AITI juga sentiasa bekerjasama rapat dengan syarikat-syarikat penyedia telekomunikasi Brunei (TelCos) dan agensi-agensi berkenaan dalam meningkatkan usaha menghindari perkhidmatan pesanan ringkas dan *websites*, sebagai contohnya, digunakan sebagai kegiatan *scam online*.

"Adalah disarankan kepada orang ramai untuk melaporkan *alleged scam* kepada BruCERT melalui talian +673 2458001 dan aplikasi WhatsApp +673 717 0766 ataupun melalui e-mel di alamat reporting@brucert.org.bn," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah tidak dapat dinafikan juga bahawa perbincangan mengenai

penggunaan Artificial Intelligence (AI) menjadi perhatian ramai, khususnya apabila kemajuan pesat teknologi AI mengatasi penyediaan rangka kerja kawal selia untuk mengawal penggunaannya.

Melihat akan kepentingan teknologi AI tersebut ujar Yang Berhormat, pihak kementerian merancang untuk bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan dalam meneliti ekosistem teknologi tersebut dan ini adalah termasuk penyediaan garis panduan etika terhadap penggunaan AI yang sejajar dengan perkembangan inisiatif di serantau dan antarabangsa seperti 'ASEAN Guide on AI Governance and Ethics'.

Dengan adanya garis panduan ini tambah Yang Berhormat, ia akan dapat membantu untuk mengawal selia dan mengatasi masalah etika penggunaan berkaitan dengan teknologi berkenaan dan pada masa yang sama, pihak kementerian ini berhasrat untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang lain untuk berbincang mengenai inisiatif lain berkaitan dengan AI yang diperlukan seperti *use-cases*, kesan terhadap sektor pekerjaan dan juga pembangunan kemahiran, iaitu bagi memastikan tenaga kerja akan dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan.

Sementara itu Yang Berhormat

Mesyyuarat Pertama dari Musim Permesyyuaratan Ke-20 Majlis Mesyyuarat Negara



>> Muka 12

EGNC terang Yang Berhormat diperuntukkan BND6 juta bagi melaksanakan projek tersebut dan pembinaan platform ini adalah bagi mengganti dan menaik taraf platform yang sedia ada, iaitu GOV.BN.

Dengan menggunakan *low-code* platform untuk mendigitalisasikan perkhidmatan kerajaan ujar Yang Berhormat, satu teknologi yang terkini akan memudahkan pembangunan perkhidmatan dalam talian dan dengan menggunakan sistem *low-code* tersebut juga, adalah dititikberatkan agar aplikasi-aplikasi kerajaan akan sentiasa dikemas kini bagi tujuan seperti *security patches* dan seumpamanya.

“Selain dari menjadi satu portal untuk perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan secara dalam talian, ia juga menyediakan aplikasi mudah alih (Mobile App) untuk perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan secara dalam talian; dan menyediakan *form builder* untuk memudahkan digitalisasi

perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan secara dalam talian.

“Dengan tempoh pelaksanaan projek GOV.BN 2.0 selama 24 bulan ini, insyaaAllah ia akan dapat meningkatkan lagi jumlah perkhidmatan kerajaan di dalam talian berbanding dengan perkhidmatan yang diberikan melalui *traditional counter services*.

“Pengurusan rekod dan dokumen secara digital adalah penting dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan sektor awam melalui transformasi pendigitalan secara komprehensif dan ini juga mengambil kira kelebihannya dari segi memudahkan pengguna untuk mengakses fail, mengurangkan penggunaan kertas, mudah diakses tanpa sempadan tenaga, masa dan mengoptimalkan penggunaan teknologi secara amnya.

“Sebagai langkah permulaan, satu projek telah pun dicadangkan untuk pelaksanaannya di bawah RKN-12, iaitu SpeRe yang bernilai BND5 juta. “Ia bertujuan untuk menyediakan

standard platform bagi pengurusan rekod dan dokumen untuk digunakan oleh semua agensi kerajaan; penyediaan platform *e-Office* dan juga platform bagi *document digitization*,” jelas Yang Berhormat.

Selain daripada kegiatan EGNC kata Yang Berhormat, usaha kementerian ini juga ditumpukan ke arah pensejajaran dan penyelarasan serta penambahbaikan agenda transformasi digital sektor kerajaan.

Contohnya ujar Yang Berhormat, penyelarasan melalui Chief Information Officer (CIO) Forum yang diberi peranan dalam meneliti, memantau dan meneraju (*steer*) pelaksanaan Pelan Transformasi Digital kementerian termasuk semua projek di bawah pelan-pelan tersebut serta transformasi digital sektor swasta di bawah bidang kuasa kementerian masing-masing.

“Ia juga memastikan projek-projek dilaksanakan sentiasa relevan dan selaras dengan keperluan dan ekspektasi semua pihak yang berkepentingan, dan ini termasuklah

melaksanakan *consolidation* keperluan sistem-sistem yang lain kepada infrastruktur tersebut bagi mengelakkan duplikasi dan pembaziran sumber serta tenaga; memastikan projek-projek digitalisasi ini bersifat *user-driven* dan *user-friendly*; dalam penelitian ke atas projek-projek transformasi digital di bawah RKN-12, ia dibincangkan sebelum ini di Mesyyuarat CIO Forum bagi mengambil kira terdapatnya peluang penyelarasan dan penginterasian (*consolidation*) ke atas projek-projek berkenaan bagi mengelakkan duplikasi dan pembaziran, sepertimana yang disebutkan awal,” ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, EGNC telah mengeluarkan Project Management Framework (PMF), satu rangka kerja dan alat rujukan dalam memastikan pengurusan dan perancangan projek-projek IT dibina mengikut spesifikasi yang tepat dan berjalan dengan teratur mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Penggunaan PMF ini jelas Yang Berhormat, juga telah dimandatkan bagi pelaksanaan semua projek-projek IT melalui CIO Forum; dan beberapa program membina kapasiti sumber manusia di dalam mereka bentuk, pembangunan dan pengurusan projek IT termasuk *change management* juga telah dirancang dan ini termasuk di peringkat pengurusan kanan kementerian-kementerian kerana pendigitalan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan bukan hanya melibatkan warga IT atau sekadar mengemukakan akses kepada perkhidmatan dalam talian, akan tetapi, ia melibatkan peralihan pemikiran proses kerja dan cara bekerja di sepanjang aliran proses kerja setiap kementerian atau jabatan tersebut, jika tidak hasrat sepenuhnya untuk mencapai keberkesanan dan kecekapan dari pendigitalan tersebut tidak akan tercapai.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

NBD berada di kedudukan 87 bagi Indeks Inovasi Global

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha mengongsikan beberapa usaha signifikan berkaitan dengan inovasi, penyelidikan dan perkembangan.

Kedudukan Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Indeks Inovasi Global atau Global Innovation Index bagi Tahun 2023 telah meningkat lima anak tangga daripada tempat ke-92 ke tangga 87 dalam kalangan 132 negara.

Demikian dinyatakan dalam pembentangan mukadimah belanjawan bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) pada hari ke-16 Mesyyuarat Pertama dari Musim Permesyyuaratan Ke-20, Majlis

Mesyyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Menurut Yang Berhormat, bagi mendukung dan memacu pembangunan negara berkaitan dengan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI), sebanyak 12 projek telah dibiayai melalui dana Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Teknologi dan Sains (CREATES), yang telah diperuntukkan di bawah RKN-12 dengan harga rancangan sebanyak BND30 juta.

“Mengikut pecahan kluster, dua projek adalah di bawah ICT, empat projek di bawah kesihatan, dua projek bagi sains dan teknologi makanan, dua projek berkaitan dengan tenaga dan dua lagi projek di bawah alam sekitar dan pembangunan mampan.

“Setakat ini, kesemua projek tersebut telah mula dilaksanakan sejak suku kedua tahun lepas dan masih dalam status pelaksanaan.

“Keberhasilan projek penyelidikan di bawah CREATES berkenaan diharapkan akan dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, terutama dari segi peningkatan pakar dalam pelbagai disiplin di NBD.

“Untuk menekankan kepentingan inovasi dan mendukung usaha ke arah transformasi digital, dengan bertemakan ‘Smart Nation through digital Transformation’, Anugerah ICT Brunei (Brunei ICT Awards - BICTA) bagi tahun ini akan diadakan pada bulan Jun 2024.

“Ia adalah anjuran bersama dengan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi (AITI) dan juga Infocomms Federation Brunei (IFB),” jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, objektif acara tahunan ini adalah

untuk menggalakkan inovasi dan kreativiti teknologi infokomunikasi dalam kalangan individu, pelajar, syarikat-syarikat mikro kecil dan sederhana, dan organisasi-organisasi yang berminat.

Penyertaan tambah Yang Berhormat, telah dibukakan sejak Januari yang lalu dan akan berakhir pada bulan Mei nanti dan turut diserapkan di dalam aktiviti BICTA 2024 adalah BICTA Plus Bootcamp, iaitu program bimbingan dan latihan khusus bagi peserta-peserta untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan mereka sebagai persiapan diri sebelum pertandingan.

Seterusnya Yang Berhormat mengongsikan BICTA ini juga merupakan satu komponen di bawah Anugerah Asia-Pacific ICT Alliance (APICTA), yang mana pemenang dan peserta BICTA yang terpilih seperti lazimnya berpeluang mewakili NBD ke pertandingan peringkat antarabangsa di bawah

MEMPERTINGKATKAN KUALITI, EFISIENSI PERKHIDMATAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Dengan penubuhan badan-badan berkanun iaitu AITI dan MPABD, sebagai pengawal selia, ia dilihat berkemampuan untuk menambah nilai dari segi mempertingkatkan kualiti dan efisiensi perkhidmatan dan juga meningkatkan hasil pendapatan kerajaan, selain daripada mengembangkan sektor masing-masing dengan lebih teratur dan berkesan untuk menyumbang kepada ekonomi negara.

“Dalam hubungan ini, sungguhpun juga terdapat cabaran-cabarannya tersendiri, namun begitu, sepertimana yang pernah disuarakan di majlis yang mulia ini pada tahun lepas, mengenai usaha menubuhkan badan kawal selia untuk Pengangkutan Darat dan Penerbangan Awam ditubuhkan, sukacita dikongsikan bahawa pihak di jabatan-jabatan tersebut masing-masing akan mula mengambil langkah-langkah asas, khususnya di dalam mengemas kini struktur dan aliran kerja di organisasi berkenaan, supaya mereka akan lebih bersedia, bila tiba masanya untuk melalui *organizational transformation*,” jelas Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary

bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha mengongsikan perkara tersebut ketika membentangkan mukadimah belanjawan bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) pada ke-16 Mesyyuarat Pertama dari Musim Permesyyuaratan Ke-20, Majlis Mesyyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Tahun Kewangan 2024 / 2025 ujar Yang Berhormat Menteri adalah juga ke arah melaksanakan pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos dan ini adalah berikutan dengan pewartaan Postal Services Order, 2023 selaku pemboleh bagi mewujudkan operasi dan penyediaan sistem dan perkhidmatan pos secara korporat dan juga pemangkin ke arah mempromosikan industri pos yang efisien dan berdaya saing.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri berkata, bagi sektor pengangkutan yang meliputi pengangkutan darat, maritim dan udara telah terus menyaksikan trend peningkatan dari segi jumlah trafik, walaupun masih di bawah tahap pra-pandemik COVID-19.

“Jika kita lihat kepada Sektor Penerbangan Awam, tahap

pemulihan dari segi jumlah pergerakan penumpang, iaitu, masuk; keluar; dan persinggahan, yang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), pada tahun 2023 adalah sebanyak 1,213,462 penumpang.

“Ini hanyalah di tahap 55 peratus dari jumlah tertinggi pergerakan penumpang yang pernah dicapai pada tahun 2019.

“Namun begitu, jika dibandingkan dengan tahap di tahun 2022, ini merupakan peningkatan sebanyak 119 peratus di tahun 2023,” ujar Yang Berhormat Menteri.

Selain itu kata Yang Berhormat Menteri, pergerakan kargo pada tahun 2023 telah menyaksikan peningkatan di dalam pergerakan kargo sebanyak 52 peratus (kira-kira 12 ribu tan) jika dibandingkan dengan tahun 2022 (kira-kira lapan ribu tan).

Seperti pergerakan penumpang tambah Yang Berhormat Menteri, peningkatan ini juga masih di bawah tahap yang pernah dicapai pada tahun 2019 (kira-kira 25 ribu tan), iaitu hanya pada tahap 47 peratus daripada apa yang telah dicapai pada tahun tersebut.

“Ini jelas menunjukkan LTAB masih beroperasi di bawah kapasiti, dan masih terdapat peluang

untuk memanfaatkan sepenuhnya lagi kemampuan LTAB untuk menyumbang dan mendukung usaha-usaha mempelbagaikan dan menumbuhkan ekonomi kita.

“Sepertimana yang juga telah dikongsikan, ia adalah seperti pengembangan kapasiti mengendalikan kargo, *transshipment*, *cold chain logistics*, *sorting hub* dan perkhidmatan *aviation maintenance*, *repair and overhaul* (MRO).

“Di antara kaedah yang diambil untuk memajukan peluang-peluang ini adalah dengan cara menarik pelaburan daripada syarikat-syarikat GLCs seperti Brunei International Air Cargo Centre (BIACC) dan syarikat lain yang telah menunjukkan minat mereka.

“Jabatan Penerbangan Awam pada masa yang sama akan menumpukan belanjawan ke arah memastikan operasi harian lapangan terbang tidak terjejas, mengendalikan penyelenggaraan peralatan kritikal, terutamanya bagi keselamatan, navigasi, pergerakan pesawat dan pembangunan sumber manusia. Jumlah sebanyak BND26,333,370 telah diperuntukkan bagi Perbelanjaan Biasa bagi Tahun Kewangan 2024/2025 bagi tujuan ini.

“Manakala sebanyak

BND14,625,230 telah disediakan untuk Perbelanjaan Kemajuan di dalam tahun kewangan yang sama,” ujar Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri seterusnya menjelaskan jumlah ini adalah 17 peratus daripada harga rancangan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN-12) yang berjumlah BND83,867,690 bagi membiayai tujuh projek RKN yang menjurus kepada menaik taraf infrastruktur dan peralatan untuk memastikan operasi lapangan terbang kekal mematuhi keperluan keselamatan dan piawaian-piawaian antarabangsa seperti ICAO Standard and Recommended Practices (SARPs).

Projek-projek tersebut terang Yang Berhormat Menteri adalah seperti penggantian Instrument Landing System (ILS) dan Distance Measuring System; membaik pulih landasan lapangan terbang, fasa 2; pemasangan pagar keselamatan dan sistem pengesan pencerobohan; menaik taraf peralatan pemeriksaan dan sistem pengawasan keselamatan; menaik taraf kemudahan dan infrastruktur *aerodrome*; sistem-sistem radar Primary Surveillance, Secondary Surveillance; dan Surface Movement Radar.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



TINGKAT KERJASAMA, KESEDARAN TANGANI DEMENSIA

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Kementerian Kesihatan akan sentiasa menyediakan sistem kesihatan dan prasarana yang mudah di akses dan saksama serta berkualiti tinggi kepada seluruh penduduk di negara ini dalam memastikan semua individu akan memanfaatkan kemudahan diberikan.

"Untuk makluman kepada semua yang ada di sini, Demensia mempunyai bermacam jenis. Ia akan dikenal pasti terlebih dahulu oleh *general practitioner* atau *primary medicine doctor* untuk dirujuk pesakit Demensia tersebut ke klinik *neurology*, *geriatric*, ataupun *psychiatric*.

"Mengenai ubat Demensia, ubat yang ada pada ketika ini adalah khas untuk penyakit Alzheimer dan penyakit Demensia selayaknya belum

ada rawatan ataupun ubatnya yang khusus. Akan tetapi, untuk merawat penyakit Demensia ini, bukan sahaja memulihkan semula penyakit tersebut akan tetapi ia hanya untuk memperlambatkan dan menstabilkan kemerosotan penyakit Demensia seseorang itu," jelas Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar ketika menjawab persoalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman mengenai perkhidmatan yang ada pada masa ini bagi menangani penyakit Demensia dari segi pencegahan, pengesanan, rawatan dan penjagaan mereka yang menghidapi Demensia cukup untuk jangka masa sederhana dan panjang.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menegaskan, perkara yang paling penting adalah untuk mengurangkan gejala demensia ialah dengan melakukan aktiviti yang sihat seperti kegiatan fizikal aktiviti dan *brain exercise*.

"*That means doing some* seperti bermain *chess*, membaca buku, membaca Al-Quran dan sebagainya. Dan apa yang paling penting adalah pencegahan dari awal, *because some of these Dementia ini is related to NCD* seperti *multi-infarct* or bekas strok dan sebagainya.

Jadi ini jelas Yang Berhormat Menteri ialah berkaitan dengan pengawalan NCD macam kencing manis, sebagainya. darah tinggi dan Kementerian Kesihatan juga akan memastikan

para penjagaan kesihatan dan sukarelawan yang dilatih dengan secukupnya sehingga mereka dapat memberikan nasihat dan perkhidmatan kesihatan yang relevan bagi semua individu yang menghidapi penyakit Demensia dan ahli keluarga serta penjaga mereka.

"Walau bagaimanapun, diakui ini mungkin masih belum mencukupi, akan ditambah lagi keterlibatan orang kementerian dan orang sukarelawan untuk sama-sama menangani masalah ini," terang Yang Berhormat Menteri lagi.

Kementerian Kesihatan kata Yang Berhormat Menteri melalui Pusat Promosi Kesihatan bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di seluruh negara. Pertubuhan Warga Emas dan Pertubuhan Bukan Kerajaan Demensia Brunei adalah sebagai NGO untuk meningkatkan kesedaran tentang demensia dan melaksanakan intervensi dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Demensia.

"Pelbagai aktiviti dan jerayawara telah diadakan dalam bersama Persatuan Demensia Brunei, di antaranya, seperti berikut, sesi pemeriksaan Demensia di kalangan komuniti; Sesi ceramah kesihatan bagi warga emas di semua cawangan PKWE; dan Pertubuhan Warga Emas secara berjadual.

"Program Kesihatan tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga emas di seluruh negara. Selain itu, kempen media masa melalui radio dan media sosial berkaitan demensia dan pada tahun 2023

yang lalu, satu Persidangan Antarabangsa Demensia dengan kerjasama Alzheimer Disease International telah diadakan di negara ini di mana peserta daripada dalam dan luar negeri telah berkongsi ilmu mengenai isu tersebut," jelas Yang Berhormat Menteri lagi pada hari ke-16 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang bersidang di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Di samping itu, turut diadakan sesi taklimat media dan pengagihan poster dan *banners* sempena Sambutan Hari Demensia 2023 di jabatan-jabatan kerajaan, pasar raya pasar raya, syarikat swasta dan tempat awam yang lain.

Menurut Yang Berhormat Menteri, pihak Kementerian Kesihatan akan terus meningkatkan kerjasama dengan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Persatuan Demensia dalam memastikan isu demensia ini akan dapat ditangani dengan segera.

Kementerian Kesihatan jelas Yang Berhormat Menteri



YANG Berhormat Menteri Kesihatan.

mempunyai perancangan dalam masa sederhana dan panjang dalam menangani isu penjagaan warga emas, tidak terhad kepada penyakit demensia sahaja iaitu meningkatkan kakitangan yang berkemahiran dalam penjagaan warga emas dan demensia, menyediakan fasiliti atau *stepdown hospital* dan *day care* yang mesra warga emas (*old age friendly*) termasuk perancangan blok baharu hospital yang menyediakan wad-wad yang *age friendly* bagi Hospital RIPAS nanti.

"PELBAGAI aktiviti dan jerayawara telah diadakan dalam bersama Persatuan Demensia Brunei, di antaranya, seperti berikut, sesi pemeriksaan Demensia di kalangan komuniti; Sesi ceramah kesihatan bagi warga emas di semua cawangan PKWE; dan Pertubuhan Warga Emas secara berjadual".

Digitalisasi mudahkan perancangan kesihatan



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Adalah tidak dapat dinafikan keperluan dan

mustahaknya kita untuk mengikuti trend transformasi ICT dan digital pada masa kini dan akan datang. Teknologi juga boleh memudahcarakan pemberian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Walau bagaimanapun, apakah ia menjadi keutamaan yang sangat diperlukan berbanding dengan keperluan-keperluan asasi yang perlu disediakan bagi rawatan dan peralatan kesihatan serta keselesaan pesakit-pesakit yang sangat memerlukan yang dapat dirasakan dan dinikmati secara langsung oleh pesakit-pesakit.

Persoalan tersebut disuarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin

Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Yusof pada hari ke-16 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-20 MMN, yang bersidang di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Dalam menjawab persoalan tersebut, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan digitalisasi adalah penting untuk kita mendapatkan informasi.

Tanpa informasi yang tepat, tekan Yang Berhormat *kitani* tidak dapat membuat perancangan yang tertentu ataupun penyediaan dari segi kesihatan awam yang *kitani* perlu sediakan untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

"*It seems too expensive but we want as accurate as possible,*

there is an artificial intelligence behind it, jadi macam aplikasi BruHealth itu ia bukan sekali gus BND60 juta lebih ia berperingkat-peringkat dan apa yang penting di sini ialah ia dapat meramalkan (*predict*) atau menunjukkan apa masalah Kementerian Kesihatan akan hadapi dalam masa 15 ke 20 tahun.

"*Kitani* sudah ada 10 tahun data, so the more data they have they can mengikut *algorithm* yang disediakan *durang* akan dapat *predict* berapa orang. Apa masalah yang dihadapi yang paling banyak 15 hingga 20 tahun dan dari sana *kitani* dapat merancang apa jenis perubatan yang perlu *kitani* sediakan.

"Misalannya, kencing manis semakin meningkat di mana dialisis akan bertambah, *then*

we need to prepare more renal doctors as I mentioned renal doctors takes 6 to 10 years to produce and then dari sini kitani dapat membuat persiapan yang secukupnya dan harga yang lain itu Bru-HIMS 2.0 ialah untuk menggantikan Bru-HIMS 1.0 masa ini.

"*We have appointed a new system, yang mana ia akan lebih canggih dan lebih interaktif in the way that ia ada Artificial Intelligencenya juga di mana kalau kitani membuat kan symptom-symptom itu ia boleh menolong juga give a differential diagnosis dan sebagainya dan sebab sistem sekarang ini sudah semakin tidak stabil we have to change the Bru-HIMS 1.0,"* jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan lagi.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PASTIKAN SEMUA MENDAPAT AKSES PENJAGAAN KESIHATAN

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Adalah satu kepentingan bagi Kementerian yang mana rawatan atau penjagaan kesihatan ini *is accessible to all* dan terdapat 14 buah pusat kesihatan dan enam buah klinik kesihatan yang terletak di lokasi-lokasi strategik.

Waktu beroperasinya *most of them are office hours* walau bagaimanapun turut disediakan perkhidmatan waktu lanjutan di beberapa lokasi iaitu Pusat Kesihatan Berakas dan Pusat Kesihatan Sungai Liang.

Orang ramai dapat mengakses semua perkhidmatan ini tanpa



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

mengira kawasan tadahan mereka sejak bulan Ogos 2023. Selain itu, pihak jabatan juga menyediakan perkhidmatan melalui jalan darat ke Mukim Labi, Sukang dan Melilas secara berjadual, ini termasuk *dental care* di sana.

Demikian penjelasan daripada Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar ketika menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim mengenai *accessibility* dan perkhidmatan kesihatan kepada semua peringkat rakyat secara keseluruhannya dengan selamat, mudah, cepat dan berkualiti.

Pihak jabatan juga kata Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyediakan perkhidmatan lawatan ke rumah bagi ibu-ibu yang baru bersalin dan *home based nursing* iaitu bagi pesakit-pesakit kronik yang memenuhi beberapa kriteria tertentu seperti NG Feeding, Stoma dan sebagainya.

Menurut Yang Berhormat lagi, dua buah pusat kesihatan akan dibina dalam RKN *kitani* iaitu Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan dan Pusat Kesihatan

Mengkubau.

"Inilah yang diharap ia akan memberi *access* dan mengurangkan juga *ratio of people to doctor in that community* yang pernah kaola nyatakan sebelum ini. Bagi menunggu di pusat-pusat kesihatan, pihak Jabatan Kesihatan sentiasa berusaha untuk memastikan waktu menunggu, berjumpa doktor sentiasa dapat diperbaiki.

"Perjumpaan doktor ini dibahagikan kepada dua kategori di pusat kesihatan iaitu *walk-in* atau secara perjanjian dan jumlah doktor yang bertugas merupakan limitasi utama kepada berapa ramai pesakit yang dapat dijumpai pada satu waktu.

"Bagi mereka yang mempunyai perjanjian di pusat-pusat kesihatan, mereka akan dinasihatkan untuk hadir 30 minit lebih awal bagi memastikan proses pendaftaran dan penyaringan yang

dijalankan sebelum berjumpa doktor," jelas Yang Berhormat lagi pada hari ke-16 Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang bersidang di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Jangka waktu perjanjian ini terangkum kepada beberapa faktor misalannya jika pesakit diabetes jika paras gulanya itu tidak terkawal maka waktu menunggu akan lebih dari 10 minit kadang-kadang.

Walaupun perkara utama yang diambil kira ialah dapatan dari proses ragam pesakit jika pesakit didapati tidak stabil, mereka akan didahulukan terlebih dahulu sepertimana Yang Berhormat nyatakan.

"Di sini kaola mengambil kesempatan jua untuk mengingatkan orang ramai, *we have this app called MOHK*, kalau ada kelambatan, ada



YANG Berhormat Menteri Kesihatan.

kerungutan *please use it*. Di sanalah kita dapat menilai ke mana keberkesannya, *any intervensi yang kita buat. If you don't have any feedback, we don't know. So*, dialu-alukan orang ramai untuk menggunakan MOHK sama ada untuk kebaikan atau untuk *commendation* pun boleh jua kalau ia menghargai seseorang jururawat atau ahli-ahli kesihatan boleh jua di sana, tidak semestinya untuk mengomplen juga. *So, if there is any shortcomings, please it is there available and we always monitor this. Ganya* sebulan tidak ramai menggunakan, dalam *bepuluh* orang saja, *so it is there and you know, it's there for everyone. So*, dari sanalah kita nanti dapat menyukat jua keberkesanan apa yang kita buat," saran Yang Berhormat lagi.

"PERJUMPAAN doktor ini dibahagikan kepada dua kategori di pusat kesihatan iaitu *walk-in* atau secara perjanjian dan jumlah doktor yang bertugas merupakan limitasi utama kepada berapa ramai pesakit yang dapat dijumpai pada satu waktu".

Bot ambulans, temuai membantu tangani kecemasan di Kampong Ayer

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Pada hari ke-16



Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), isu mengenai perkhidmatan perubatan untuk warga Kampong Ayer dan persekitarannya termasuk mana-mana kecemasan yang berlaku di sungai-sungai dan perairan negara ini turut

dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa mempersoalkan, dengan penduduk Kampong Ayer yang lebih 20 ribu orang dan bot-bot tambang serta kapal-kapal kecil yang masih beroperasi di Sungai Brunei dan perairan negara, adakah jumlah bot ambulans negara mencukupi untuk menangani sebarang permintaan perubatan kecemasan dan jika terjadinya kecemasan atas sungai dan perairan negara?

"Adakah perancangan Kementerian Kesihatan untuk menambah jumlah bot yang sedia ada memandangkan kes-kes kecemasan di Kampong Ayer yang kaola difahamkan adalah meningkat?" ujarnya.

Merespons kepada perkara tersebut, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menjelaskan bahawa ketika ini ada terdapat dua buah bot ambulans dan dua temuai yang beroperasi.

Melihat kepada statistik panggilan tahun lalu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata, jumlah panggilan di Kampong Ayer mencatatkan 154 panggilan dan pada tahun ini sebanyak 40 panggilan.

"So dari statistik ini usulnya masih mencukupi, walau bagaimanapun cabaran yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan mengenai bot ambulans ini terutama sekali di bandar ialah mencari *boat driver* dan pencaruk. *We need driver* dan pencaruk

yang *familiar with* Kampong Ayer kerana *address is not visibly clear* macam di darat and there's *no proper demarcation of one kampung to the other so kitani* perlu juga mengambil orang Kampong Ayer untuk menjadi *driver*.

"Kepayahannya ialah mencari pengganti nanti, setakat ini kalau *diaorang* penceen payah *kitani* so dialu-alukan penduduk Kampong Ayer kalau ada *advertisement* untuk ambulans *driver* dan pencaruk untuk tampil ke hadapan," tambah Yang Berhormat.

Walaupun bagaimanapun ujar Yang Berhormat lagi, keadaan ini akan dipantau di mana jika ada keperluannya insyaaAllah bot ambulans ini akan ditambah.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PESAKIT DIHANTAR KE LUAR NEGARA BERKURANGAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Sejak 10 tahun kebelakangan ini, pesakit-pesakit yang dihantar keluar negara bagi mendapatkan rawatan komprehensif sudah berkurangan di mana pesakit mengalami masalah jantung ataupun strok dan kanser, kebanyakannya sudah dirawat di negara ini.

Menurut Menteri Kesihatan,



Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, ia telah mengurangkan perbelanjaan yang berpuluh-puluh juta bagi kerajaan Negara Brunei Darussalam.

"Walau bagaimanapun, perbelanjaan ke luar negeri ini masih juga bagi kaola / saya tinggi dalam BND7 juta setahun. Ini termasuk bayaran perkhidmatan kenderaan, tempat tinggal dan peneman semasa menjalani rawatan di luar negara.

"Ini termasuk masa ini di Singapura, Malaysia dan Thailand yang banyaknya di sana. Bayaran elaun sara hidup kepada pesakit dan peneman semasa berada di luar negeri masih dijalankan.

"Jadi, angka ini akan ditunduki lagi dan *kitani* pun masa ini in

AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

the process of menilai keperluan menghantar sebahagian masalah-masalah ini ke luar negeri untuk rawatan kerana *kitani have a few young local consultant* sudah. So, dalam masa akan datang, ia akan berkurangan," demikian jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa mengulas mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir pada hari ke-16 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Sementara itu menyentuh mengenai keupayaan atau kapasiti makmal tempatan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata, Jabatan Perkhidmatan Makmal melaksanakan program peningkatan kualiti yang berterusan melalui akreditasi piawaian iaitu ISO-15189 juga piawaian-piawaian antarabangsa yang lain.

"Jabatan Makmal ini pun melaksanakan latihan dan

YANG Berhormat Menteri Kesihatan.

kompetensi makmal secara berterusan bagi memastikan pegawai dan kakitangan makmal berupaya untuk melaksanakan proses-proses makmal yang betul dan dapat dipercayai dan juga melaksanakan pemeriksaan kawalan kualiti secara dalaman dan antarabangsa untuk mengesahkan keberkesanan method-method peralatan atau ujian secara berterusan dan memperkuat proses pengambilan dan memperkuat spesimen untuk memastikan integriti dan kualiti spesimen tidak terjejas dan seterusnya menjamin kualiti dan ketepatan keputusan ujian makmal.

"Jabatan makmal juga melaksanakan pemantauan dan pengurusan yang efektif ke atas peralatan dan reagen-reagen



makmal untuk memastikan keputusan ujian terjamin.

"Dalam pada masa yang sama, mengelakkan pembaziran disebabkan oleh kerosakan dari reagen-reagen yang mansuh. Jabatan tersebut juga melibatkan kakitangan dan rangkaian makmal-makmal global dan serantau bagi memudahkan pembinaan kapasiti makmal terutama semasa pandemik," terang Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

JPMC College of Health Sciences diiktiraf antarabangsa

AHLI MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin (kanan), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada persidangan tersebut.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menjelaskan bahawa JPMC College of Health Sciences adalah diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) Negara Brunei Darussalam dan sekali gus ia juga diiktiraf oleh antarabangsa.

Walau bagaimanapun jelas Yang Berhormat, JPMC College of Health Science ketika ini sedang membuat *arrangement* bersama dengan American Nursing Board untuk diiktiraf sebagai *nursing degree* di Amerika Syarikat.

"Jadi, orang di sini boleh ke luar negara kalau ia tidak mahu kerja di Brunei khususnya untuk pelajar-pelajar asing," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa mengulas persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang

Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin mengenai adakah pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus di kolej berkenaan diiktiraf antarabangsa yang menjadikan mereka *marketable* dalam dan luar negara.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menambah, pada masa ini, sejak tahun 2022, jumlah penuntut di kolej berkenaan adalah 63 orang dan pada tahun 2023, jumlah penuntut yang mendaftar semuanya ialah 208 penuntut di

"JADI, orang di sini boleh ke luar negara kalau ia tidak mahu kerja di Brunei khususnya untuk pelajar-pelajar asing," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa mengulas persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin mengenai adakah pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus di kolej berkenaan diiktiraf antarabangsa yang menjadikan mereka *marketable* dalam dan luar negara.

mana 137 penuntut mengikuti Foundation in Science Certification dan 71 penuntut mengikuti Bachelor of Science in Nursing.

"Setakat ini, memang diiktiraf dan kita mahu lagi *further* pengiktirafan daripada American Board of Nursing," ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN pada hari ke-16, yang bersidang di Bangunan Dewan Majlis.



MEWUJUDKAN PERSEKITARAN PEMASARAN MAKANAN SELAMAT

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyampaikan ucapan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk mencapai tahap kesihatan yang tinggi.

Negara anggota ASEAN termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menghasilkan 12 cadangan untuk mengawal selia pemasaran makanan dan minuman bukan alkohol bagi melindungi kanak-kanak dan generasi yang akan datang, daripada kesan bahaya pemasaran pemakanan.

Setelah diluluskan oleh Mesyuarat Pegawai Kanan Mengenai Pembangunan Kesihatan (SOMHD) pada Mac 2023 dan disusuli dengan Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan ASEAN (AHMM) pada September 2023, NBD mengambil bahagian dalam pelancaran secara maya Piawaian dan Garis Panduan Minimum mengenai Tindakan bagi Melindungi Kanak-kanak daripada Kesan Bahaya Pemasaran Makanan dan Minuman Bukan Alkohol di Rantau ASEAN pada Isnin, 18 Mac 2024.

Acara berkenaan dianjurkan oleh 'The Department of Health, Ministry of Public Health Thailand' dengan Thailand sebagai negara peneraju projek dan diketuai bersama oleh Filipina dan Singapura dengan sokongan daripada rakan kongsi Dana Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF), Pertubuhan Kesihatan Sedunia

(WHO), dan 'Alive & Thrive'.

Objektif acara berkenaan adalah untuk melancarkan dan menyebarkan maklumat mengenai piawaian dan garis panduan minimum mengenai tindakan bagi melindungi kanak-kanak daripada kesan bahaya pemasaran makanan dan minuman bukan alkohol di rantau ASEAN.

Semasa acara pelancaran berkenaan, telah dikongsikan rakaman video mesej yang mengandungi sokongan yang disatukan daripada 10 Menteri Kesihatan ASEAN.

Antaranya ialah Menteri Kesihatan NBD, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, menunjukkan sokongan penuh beliau terhadap pelaksanaan dokumen berkenaan untuk melindungi kanak-kanak daripada terdedah kepada pemasaran

makanan dan minuman bukan alkohol yang tidak sihat di rantau ASEAN.

Yang Berhormat turut menyokong usaha untuk mewujudkan persekitaran makanan yang lebih sihat bagi memastikan kanak-kanak di rantau ASEAN mempunyai pilihan pemakanan yang lebih sihat.

Mewakili NBD ialah Pegawai Perubatan Kanan dari Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norol-Ehsan binti Haji Abdul Hamid, bersama Pemangku Ketua PPK, Dr. Ernina Nisdzarinah binti Haji Abdul Rani, dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kawalan Kod Pemasaran Makanan dan Minuman Yang Berhemah kepada Kanak-kanak di NBD (C.O.R.M), iaitu dasar yang telah dilaksanakan sejak Januari 2022 bagi mengawal selia pemasaran makanan di NBD.

Dr. Hajah Norol-Ehsan juga turut berkongsi penilaian NBD mengenai penggunaan dokumen Piawaian

dan Garis Panduan Minimum di negara ini.

Ini termasuk menjadikan dokumen berkenaan sebagai sumber yang berharga dan efektif sebagai panduan kepada negara-negara ASEAN untuk menyelaraskan standard pemasaran makanan dan minuman yang selamat untuk kanak-kanak di seluruh negara anggota ASEAN.

Melalui acara pelancaran berkenaan, Kementerian Kesihatan berharap, NBD akan berganding bahu dengan negara-negara anggota ASEAN yang lain untuk mengguna pakai saranan-saranan yang telah dikongsikan di dalam dokumen berkenaan bagi mewujudkan persekitaran pemasaran makanan yang selamat untuk generasi ASEAN masa akan datang dan seterusnya, bagi sama-sama mengurangkan kadar obesiti dalam kalangan kanak-kanak di seluruh rantau ASEAN.

HALUAN

Memperingati azam, aspirasi kita bernegara merdeka

>> Muka 2

Semua ruang dalam masjid dipenuhi sampai bersesak-sesak sehingga ke kawasan luar sekeliling masjid. Sewaktu hujan turun dengan lebat jemaah yang di luar itu tidak sedikit pun berganjak. Mereka tetap duduk dalam saf-saf yang sesak.

Lapangan bersemen di sekeliling masjid yang tidak beralas tikar dan tidak disediakan khemah itu digenangi air. Namun mereka tetap duduk bersila menyertai semua acara. Sampai ke waktu menunaikan sembahyang pun mereka sujud di atas lapangan bersemen yang digenangi air itu.

Keadaan dan perihai sedemikian itu memang sangat luar biasa. Sampai sekarang jadi ristaan baik tentang semangat orang ramai iaitu rakyat menyambut dan mensyukuri kemerdekaan negaranya yang akan dimasyhurkan.

Pemasyhuran itu dilangsungkan di hadapan ribuan rakyat yang datang berhimpun dari kalangan wakil-wakil seluruh daerah selain orang ramai yang turut berhimpun. Mujurnya hujan lebat yang turun pada waktu Maghrib - Isyak sewaktu acara Majlis Kesyukuran berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin telah teduh.

Orang ramai dan jemputan yang berhimpun sebahagiannya masih memakai pakaian sewaktu mereka menghadiri Majlis Kesyukuran di masjid sebelumnya. Ada sebelumnya yang berhujan namun sudah tidak ketara basah kuyupnya. Pakaian mereka sudah dianggap dan dirasakan kering. Kering-kering di badan.

Maka sampai ke acara pemasyhuran, perhatian khalayak tertokus kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang membacakan watahik pemasyhurannya.

Kedengaran suara baginda lantang memecah suasana malam

yang hening. Sekalian yang hadir menumpukan perhatian kepada setiap patah kata, setiap rangkaian perkataan dan setiap ungkapan kata-kata pemasyhuran yang disambut dengan laungan tiga kali takbir oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien disambut oleh sekalian yang hadir pemasyhuran.

Ada pun peristiwa kedua ialah Sambutan Hari Kebangsaan Pertama yang berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkiah. Sambutan dengan acara meriah itu dihadiri oleh tetamu-tetamu kenamaan dari luar negeri antaranya ketua-ketua negara dan ketua-ketua kerajaan.

Peristiwa itu menandakan kemunculan Negara Brunei Darussalam di kalangan negara dan bangsa-bangsa yang merdeka.

Dan peristiwa itulah yang kita peringati tandanya kita dan negara kita adalah setaraf dengan bangsa-bangsa dan negara-negara sedunia yang bebas merdeka.

Kenyataannya sekarang ialah kita adalah anggota PBB Ke-159 dengan memiliki kuasa undi yang sama seperti negara-negara besar yang berpenduduk seramai kiraan juta sampai kepada kiraan puluhan dan ratusan.

Meski pun negara dan bangsa kita bersaiz kecil dengan penduduk sewaktu memasyhurkan kemerdekaan cuma sekitar dua ratus ribu sahaja. Namun hakikatnya kita adalah negara dan bangsa. Setaraf dengan negara-negara dan bangsa-bangsa yang besar yang ramai penduduknya.

Itu yang kita syukuri. Kita syukuri kemerdekaan dalam makna untuk dihargai, dipelihara dan disempurnakan dengan tidak disia-siakan, tidak disalah gunakan.

Mensyukuri kemerdekaan untuk negara dan bangsa kita generasi demi generasi tetap berdaulat, aman dan tenteram yang membahagiakan bangsa dengan berkemajuan yang berkebijaksanaan dan moden yang seimbang.

Itulah Brunei tanah air kita.

Dengan nada dan mode sedemikian saya suka menyudahi ucapan alu-aluan ini dengan tiga petikan ayat dari tiga surah berlainan dalam Al-Quran yang ada signifikannya menjadi sandaran atau sanad dan syahid kepada tiga sifat kenegaraan kita iaitu Melayu Islam Beraja yang falsafahnya berkeistimewaan, berkedaulatan dilindungi oleh Perlembagaan Negara, Edisi 2008 seperti yang disebutkan tadi :

Ayat pertama tentang sifat ianya negara Melayu. Ayat 13 Surah Al-Hujurat.


Tafsirnya : *Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada laki-laki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa antara kamu, Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Teliti.*

Ayat kedua tentang sifat Islamnya. Ayat 3 Surah al-Ma'idah : Tafsirnya : *Pada hari ini Aku telah menyempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah mencukupkan atas kamu nikmat-Ku dan Aku telah meredai bagi kamu Islam sebagai agama (kamu).*

Ayat ketiga ialah tentang sifat Beraja. Ayat 55 Surah an-Nur.

Tafsirnya : *Allah berjanji kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan salih daripada kalangan kamu bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah (pemerintah yang berkuasa) di bumi sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka sebagai khalifah (pemerintah yang berkuasa), dan akan memantapkan agama mereka yang diiredhaiNya untuk mereka dan akan menggantikan keamanan setelah mereka mengalami ketakutan. Mereka sentiasa beribadat kepada-Ku dengan tidak mempersekutukan Aku dengan sesuatu pun. Dan sesiapa yang kufur sesudah itu maka mereka itulah orang yang fasik.*

Sekian semoga ada gunanya.



PELANCARAN secara maya Piawaian dan Garis Panduan Minimum mengenai Tindakan bagi Melindungi Kanak-kanak daripada Kesan Bahaya Pemasaran Makanan dan Minuman Bukan Alkohol di Rantau ASEAN.

Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah, 27 Mac ini

■ Siaran Akhbar: Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Mac. - Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah akan diadakan pada Rabu malam Khamis, 17 Ramadan 1445 Hijrah bersamaan 27 Mac 2024 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pukul 9.00 malam.

Antara pengisian acara ialah Pemakluman keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah; dan Persembahan lima orang Pemenang Terbaik daripada Setiap Kategori.

Tema bagi Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah ialah 'Al-Quran Pedomanku'.

Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS.

Semoga kita semua sentiasa dirahmati dan diberkati Allah Subhanahu Wata'ala.

DEKATKAN DIRI DENGAN AMALAN MEMBACA AL-QURAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertadarus sempena bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi (atas), manakala gambar kanan, Yang Berhormat menyerahkan wakaf kepada imam masjid. Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Khamis, 21 Mac. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya mengadakan Majlis Bertadarus sempena bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-

setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian; pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis Bertadarus dimulakan dengan penyerahan sumbangan wakaf kepada Imam Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Majlis disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran secara berkumpulan, dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis Khatam Al-Quran juga akan diadakan di Surau, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada Isnin, 14 Ramadan 1445 Hijrah bersamaan 25 Mac 2024 Masihi.

Majlis seumpama berkenaan

merupakan aktiviti keagamaan tahunan dalam meningkatkan hubungan silaturahim antara pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan

Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya dalam menyemarakkan bulan Ramadan, di samping mendekatkan diri dengan bacaan Al-Quran dengan memperbaiki d

an menghalusi lagi bacaan Al-Quran.

Pada tahun ini, majlis diselenggarakan oleh Tabung Amanah Pekerja.



Tadarus Al-Quran imarahkan malam Ramadan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir pada Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan, Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi diteruskan lagi bagi malam yang ke-9 yang berlangsung di Surau, Istana Nurul Iman (kanan), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan, Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi diteruskan lagi bagi malam yang ke-9 yang berlangsung di Surau, Istana Nurul Iman, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah, diikuti dengan bacaan Tadarus Al-Quran.

Majlis kemudiannya diakhiri bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara di kalangan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.



Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



BAGI Daerah Brunei dan Muara, majlis pelancaran memulakan bacaan diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong dan hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan (atas), manakala gambar kiri, antara pelajar yang hadir.

BANDAR SERI BEGAWAN,

Khamis, 21 Mac. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IIPT) Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 bermula hari ini selepas Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di masjid-masjid terpilih di setiap

daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, majlis pelancaran memulakan bacaan diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, dan hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Tingkat Khas, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Haji Haris bin Haji Suboh.

Seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari Juz Pertama oleh para peserta yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan IIPT di keempat-empat daerah mengikut Kategori Dewasa Lelaki, Dewasa Wanita, Belia dan Beliawanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung termasuk para penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah, sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah agama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta para penuntut sekolah di bawah Kementerian

Pendidikan dan IIPT.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Haji Haris.

Majlis diadakan sebagai menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmat-Nya jua menjadikan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan sentiasa berada dalam keadaan aman serta sejahtera, di samping memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta mendapat hidayah serta inayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir pada majlis-majlis pelancaran berkenaan ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai daerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku-pemangku penghulu mukim, pemangku-pemangku ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta para pegawai dan kakitangan Jabatan-jabatan Daerah, pegawai-pegawai agama, bilal-bilal, ahli-ahli takmir masjid dan anak-anak buah kampung.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara di Daerah Tutong (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang menyertai majlis tersebut.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Khamis, 21 Mac. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IIPT) Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 diadakan secara serentak di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Di Daerah Tutong, Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan

Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam berkenaan diadakan di Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-sumber Utama dan Pelancongan, disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari Juz Pertama, dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dikepalai oleh Imam Tingkat 1, Masjid Hassanil Bolkiah Pekan Tutong, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin.

Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam berkenaan disertai seramai 400 peserta terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, para penuntut sekolah dan IIPT mengikut Kategori Dewasa Lelaki, Dewasa Wanita, Belia dan Beliawanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung termasuk para penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah agama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta para penuntut sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan IIPT.

Juga hadir, Setiausaha-

Daerah Tutong

setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku-pemangku penghulu mukim, pemangku-pemangku ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta para pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan daerah, para pegawai agama, bilal-bilal, ahli-ahli takmir masjid dan anak-anak buah kampung.

Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan IIPT Seluruh Negara sempena

Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 ini diadakan sebagai menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmat-Nya jua menjadikan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan yang bijaksana baginda sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

Di samping itu juga, untuk memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta mendapat hidayah serta inayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



>> Muka 20

Kes No.
BCY / CP / 326 / 2023

Standard Chartered Bank
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Nurul Fadhli @ Muhammad Fadli
Bin Abd. Ghani
(00-295287)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 27 Januari 2024.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Nurul Fadhli @ Muhammad Fadli
Bin Abd. Ghani
No. 5, Spg 661-25-32,
Kg. Perpindahan Ratale,
Temburong PE2951,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
10 Januari 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang

kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
16 Januari 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 27 Januari 2024.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 27 Mei 2024, jam 9.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu

yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 27 Mei 2024, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyao penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
27 Februari 2024

Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

Kes No.
BCY / CP / 237 / 2023

Baiduri Finance Berhad

20 Mac 2024

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Selasa
9 April 2024

Tarikh Tutup Pada :

Selasa
16 April 2024
Sebelum jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / KB / T004 / 2024

Kerja-Kerja Pemeliharaan Landskap Di Kuala Belait, Daerah Belait Bagi Tempoh



Dua (2) Tahun

No. Projek :
JASTRE / KB / T004 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran :
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 46 / 2024 / JPKAS(TC)

Keterangan:
Domestic Waste Collection And Disposal Services For Foreign Workers Health Screening For A Period Of Three (3) Years

Kelayakan Pembekal / Pembedor:
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai lesen untuk mengendalikan perkhidmatan pengumpulan dan pelupusan sisa domestik

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 47 / 2024 / SSBH(TC)

Keterangan:
The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Mitsubishi Lift At Block K, Suri Seri Begawan Hospital For A Period Of Three (3) Years

Kelayakan Pembekal / Pembedor:
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan

Kelas :

III keatas

Kategori :
KPME02

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 48 / 2024 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup :
9 April 2024
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari



- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Norkamariah Binti Hasiri
(00-297001)

- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 November 2023.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Norkamariah Binti Hasiri
No. 3, Jalan Paku-Paku,
RPN Kg Lumut,
Mukim Liang, Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
16 Oktober 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
27 Januari 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk

Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 23 November 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 27 Mei 2024, jam 9.15 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 27 Mei 2024, jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyao penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
27 Februari 2024

Nurul Hidayah Binti Hamdan
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

KUALA BELAIT, Khamis, 21 Mac. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 telah diadakan hari ini di kesemua daerah.

Bagi Daerah Belait, Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran 78 Kali Khatam tersebut telah diadakan di Masjid Mohamad Jamalul Alam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari Juz Pertama. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam ini diadakan sebagai menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan nikmatnya jua

yang menjadikan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

Di samping itu, memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta mendapat hidayah serta inayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Peserta-peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran adalah terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung, penuntut-penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di keempat-empat daerah mengikut Kategori Dewasa Lelaki, Dewasa Wanita, Belia dan Beliawanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih.

Selain itu, peserta juga mewakili mukim dan kampung termasuk penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah agama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur

Daerah Belait



BAGI Daerah Belait, Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran 78 Kali Khatam tersebut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

10 tahun serta penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Ketua Pegawai Agama Daerah Belait, ketua-

ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Hal Ehwal Uagama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung,

Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Belait, pegawai-pegawai agama, bilal-bilal, ahli-ahli takmir masjid dan anak-anak buah kampung.

Daerah Temburong

TEMBURONG, Khamis, 21 Mac. - Seramai 334 peserta telah memulakan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung serta Penuntut-penuntut Sekolah dari Daerah Permata Hijau, hari ini.

Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali

Khatam Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara diadakan bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024.

Hadir pada majlis pelancaran yang diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar di sini ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab, Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Shafrillah bin Haji

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Awang Ahmad yang juga memimpin bacaan Doa Selamat. Para peserta terdiri daripada Majlis Perundangan Mukim dan Kampung iaitu seramai 35 lelaki dan 35 perempuan dewasa serta seramai 35 belia dan 35 beliawanis.

Sementara bagi Kategori Kanak-kanak dari Jabatan Pengajian Islam iaitu seramai 52 lelaki dan 52 perempuan manakala seramai 45 penuntut lelaki dan 45 perempuan mewakili dari Sekolah Menengah Sultan Hassan.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan,

pegawai-pegawai daerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku-pemangku penghulu mukim, pemangku-pemangku ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung serta pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan daerah, pegawai-pegawai agama, bilal-bilal, ahli-ahli takmir masjid dan anak-anak buah kampung.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam di Daerah Permata Hijau (kiri). Manakala gambar atas, antara yang hadir menyertai majlis berkenaan.

TADARUS AL-QURAN ANJURAN KSSUP SEMPENA BULAN RAMADAN



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir pada Majlis Tadarus Al-Quran sempena bulan Ramadan bagi Tahun 1445H / 2024M yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Kemajuan Pelancongan (atas dan kanan).

PENGKALAN BATU, Rabu, 20 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Tadarus Al-Quran sempena bulan Ramadan bagi Tahun 1445H / 2024M yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Kemajuan Pelancongan di Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Juga hadir sama, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Pemangku Ketua Kampung serta penduduk Kampung Batong.

Majlis didahului dengan penyerahan sumbangan wakaf dari KSSUP yang berupa peralatan-peralatan keperluan Masjid kepada Ketua Imam Masjid, Awang Mohammad Shahdon bin

Awang Damit.

Seterusnya bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran beramai-ramai.

Majlis disudahi dengan berbuka puasa dan Solat Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis Tadarus Al-Quran ini merupakan antara kegiatan keagamaan tahunan yang diadakan pada setiap tahun dalam bulan Ramadan yang diumumkan oleh KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Ia antara lain bertujuan bagi mengeratkan silaturahim di antara para pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk kampung, di samping itu bagi mendapatkan keberkatan serta ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

KSSUP bertahlil, membaca Surah Yaa Siin di Kubah Makam Diraja



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil, bertempat di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan.

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Seramai 250 pegawai dan kakitangan daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan di bawahnya pagi tadi menghadiri Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil, bertempat di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan, di

sini.

Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil berkenaan dikhususkan bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad

Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir mengetuai rombongan KSSUP ialah Menteri Sumber-

Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Pemantau Zon 2, Masjid Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohd. Amin bin Haji Salim.

Majlis tersebut antara lain merupakan aktiviti keagamaan

tahunan yang dikendalikan oleh KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya bersempena bulan mulia Ramadan sebagai antara usaha bagi mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi; serta ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan daripada KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Khatam Al-Quran raikan 98 pelajar ITQSHHB

YANG Mulia Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada para pelajar (kanan dan kanan sekali). Manakala gambar bawah kanan, sekitar Majlis Khatam Hafaz 30 Juz Al-Quran bagi pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd.
Noor / Morshidi



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Seramai 98 pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) diraikan pagi tadi pada Majlis Khatam Hafaz 30 Juz Al-Quran bertempat di Musolla institut berkenaan.

Mereka terdiri daripada 43 pelajar lelaki dan 55 pelajar perempuan, telah berjaya Khatam Hafaz 30 Juz Al-Quran secara bertalaqqi di hadapan guru masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas yang dipimpin oleh Awang Ahmad Darwish bin Hamdan dan diteruskan dengan bacaan Doa Khatam oleh Awang Muhammad Yusuf Haikal bin Mohammad Hashim, kedua-

duanya adalah peserta Khatam Hafaz 30 Juz Al-Quran ITQSHHB.

Kemudian, majlis turut diserikan lagi dengan penyampaian Sijil Khatam Hafaz 30 Juz Al-Quran oleh tetamu kehormat majlis. Acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan dibacakan oleh Awang Mohd. Darul Irsyad bin Mohd. Jeffery, juga peserta Khatam Hafaz 30 Juz Al-Quran ITQSHHB.

Majlis Khatam Hafaz 30 Juz Al-Quran bagi pelajar ITQSHHB ini merupakan salah satu acara tahunan Institut berkenaan di mana Khatam Hafaz 30 Juz Al-Quran merupakan salah satu prestasi yang mesti dicapai sebelum pelajar melangkah keluar Institut. Turut hadir, para jemputan khas, pengetua, timbalan-timbalan pengetua, para pegawai dan pensyarah, guru-guru serta para ibu bapa pelajar yang diraikan.



JPM MENERUSKAN TADARUS DI MASJID KAMPUNG BELAIS



TEMBURONG, Khamis, 21 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini meneruskan lagi Majlis Tadarus ke Masjid Kampung Belais, di sini. Majlis Tadarus berkenaan dikelolakan bersama Jabatan Tenaga dan Jabatan Kehakiman Negara dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Belais.

Hadir mengetuai rombongan ialah, Timbalan Menteri (Sekuriti

dan Undang-Undang) JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu selaku Pemangku Menteri di JPM.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap JPM serta para pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis didahului dengan penyampaian sumbangan wakaf

berupa barang keperluan masjid yang disampaikan oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka kepada Imam Tingkat IV masjid tersebut, Awang Mohammad Safwan bin Zolkipli.

Kemudian acara diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan Tadarus Al-Quran bermula dari Juzuk 21 yang dimulakan oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka. Majlis disudahi dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Pemangku Menteri di JPM hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus ke Masjid Kampung Belais (kiri), manakala gambar atas, Yang Mulia Dato Seri Paduka menyampaikan sumbangan wakaf berupa barang keperluan masjid kepada imam masjid berkenaan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Majlis Penutup Tadarus dan Khatam Al-Quran bagi JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya akan diadakan di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan JPM pada Selasa, 26 Mac ini nanti.

Majlis-majlis keagamaan sempena bulan Ramadan merupakan antara aktiviti tahunan JPM bagi mengeratkan silaturahim

antara pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid dan penduduk kampung.

Selain itu, ia juga adalah bagi sama-sama menghidupkan dan menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mulia ini, serta merebut ganjaran pahala dan keberkatan yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala.

ROMBONGAN KHEU BERTADARUS DI MASJID KAMPUNG SUNGAI BULOH



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus di Masjid Kampung Sungai Buloh (atas), manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Bulan Ramadan Al-Mubarak adalah bulan yang dinanti-nantikan, bulan yang memberi makna besar dalam perjalanan hidup seorang Muslim. Ini kerana ia menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada setiap amalan yang dilakukan dan padanya terhimpun rahmat serta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Pintu-pintu syurga dibuka pada bulan Ramadan dan peluang-

peluang mendapatkan kelebihan dan pahala yang berlipat ganda turut dibukakan seluas-luasnya kepada kita sepanjang bulan ini. Bersempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui rombongan pegawai dan kakitangan di bawahnya turut meraih kesempatan untuk menambah pahala melalui bertadarus ke beberapa buah masjid di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, rombongan dari KHEU meneruskan lagi Majlis Tadarus di Masjid Kampung Sungai Buloh. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim. Turut Hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan

Keugamaan), KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd Salleh. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan Tadabbur Al-Quran yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Sham bin Haji Amin.

Acara diteruskan dengan Tadarus Al-Quran, disusuli dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Rombongan Tadarus pegawai dan kakitangan KHEU seterusnya akan mengunjungi Masjid Haji Abdul Azim, Kampung Luagan Duduk, Daerah Tutong pada Ahad, 24 Mac 2024, pukul 5.00 petang.

Tingkatkan amal ibadat, semarakkan bulan Ramadan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



SALAMBIGAR, Rabu, 20 Mac. - Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan dengan meningkatkan amal ibadat semata-mata bagi meraih ganjaran besar yang diberikan Allah Subhanahu Wata'ala kepada sekalian hambanya, aktiviti-aktiviti bertadarus adalah antara aktiviti keagamaan yang sering diadakan di masjid-masjid, surau-suru mahupun di balai-balai ibadat di negara ini. Tidak ketinggalan juga

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan dengan kerjasama Urus Setia Majlis Pelajaran Kebangsaan dan Pusat Teknologi Pendidikan petang tadi mengadakan Majlis Bertadarus sempena bulan Ramadan yang berlangsung di Masjid Kampung Salambigar. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad. Acara dimulakan dengan



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir pada Majlis Bertadarus sempena bulan Ramadan yang berlangsung di Masjid Kampung Salambigar (atas dan atas kiri).

penyampaian wakaf berupa barangan kerusi dan meja untuk jamuan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada Imam Masjid Kampung Salambigar, Awang Haji Abdul Halim bin Haji Bungsu. Sejurus itu diikuti dengan Majlis Bertadarus serta diakhiri dengan doa bagi memberkati majlis

yang diketuai oleh Imam Masjid Kampung Salambigar. Majlis seumpama ini merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan dan sebagai wadah dalam meningkatkan amal ibadat serta mengeratkan

silaturahmi sesama pegawai dan kakitangan. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Naib Canselor, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan berserta penduduk kampung sekitarnya.

SUMBANGAN DERMA CERIAKAN ANAK YATIM DAERAH TUTONG



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong menyampaikan sumbangan derma kepada para penerima (atas dan kanan).

TUTONG, Rabu, 20 Mac. - Seramai 559 anak-anak yatim menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim Daerah Tutong yang diadakan di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Surah Al-Baqarah, ayat 220 oleh penuntut Sekolah Agama Tutong Kem, Dayang Nur Damia Faqihah binti Mohamad Aji, dan seterusnya tafsiran ayat oleh Guru Sekolah Agama Tutong Kem, Dayang Hajah Noorlaila binti Haji Metussin.

Para penerima terdiri daripada anak-anak yatim yang berusia 18 tahun ke bawah dari Daerah

Tutong yang telah berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat dan menerima sumbangan derma melalui Tabung Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Tabung Kebajikan Anak-anak Yatim Daerah Tutong, Bank Islam Brunei Darussalam dan Nazmi Textile Mall.

Sumbangan derma ini antara lain bertujuan untuk menampung perbelanjaan anak-

anak yatim bagi menyambut ketibaan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba.

Majlis tersebut juga diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada tiga orang penuntut anak yatim yang mendapat keputusan cemerlang dalam Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama (SSSRU) dan Pelajar Cemerlang di dalam Peperiksaan

Peringkat 'A' Level, 'O' Level / IGCSE bagi Tahun 2023 bagi Kluster 5, Tutong.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim, pemangku-pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung Daerah Tutong.

533 anak yatim terima sumbangan derma

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BELAIT, Rabu, 20 Mac. - Dalam usaha membantu anak-anak yatim membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang nanti, Ahli Jawatankuasa Tabung Amal Anak-anak Yatim Daerah Belait menganjurkan Majlis Penyampaian Derma Tabung Amal Anak-anak Yatim Daerah Belait Tahun 1445H / 2024M.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna Pusat Insani, Seria, di sini, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Imam Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN), Kampung Pandan, Kuala Belait, Awang Abdul Azim bin Haji Abdul Majid.

Majlis juga turut diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Agama, Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait, Awang Abdul Khaliq bin Kamree dan juga bacaan Tahlil serta Doa Arwah yang diketuai oleh Imam Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait.

Seramai 533 anak yatim berdaftar di Daerah Belait menerima derma berkenaan yang disampaikan oleh

tetamu kehormat.

Derma-derma berkenaan adalah sumbangan daripada Tabung Anak-anak Yatim Kebangsaan, Tabung Amal Anak-anak Yatim Daerah Belait dan juga dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Sementara itu, Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSP) juga turut menyerahkan sumbangan derma kepada anak-anak yatim yang disampaikan oleh Pengarah Urusan BSP, Agnete Johnsgaard-Lewis; dan Pengurus Korporat BSP, Awang Haji Mohd Jaafar bin Haji Awang Bakar.

Pada majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait menyampaikan sumbangan derma kepada para penerima (atas), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Belait juga menerima sumbangan sebanyak BND1,500 daripada syarikat-syarikat swasta, dan persatuan-persatuan terdiri daripada Dewan Perniagaan Tionghua Daerah Belait, Sullivans (B) Sdn. Bhd., dan Hainan Association.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Daerah Belait, serta pegawai-pegawai kanan BSP.

Dengan adanya majlis berkenaan diharap sedikit sebanyak dapat membantu menceriaikan anak-anak yatim dalam membuat persediaan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Orang ramai yang ingin menyampaikan sumbangan derma ke Tabung Amal Anak-anak Yatim Daerah Belait adalah dialu-alukan dengan berhubung terus ke Urus Setia Tabung Amal Anak-anak

Yatim Daerah Belait, Bahagian Perhubungan Awam, Penyelidikan dan Teknologi Maklumat, Tingkat II, Jabatan Daerah Belait atau berhubung terus ke talian +673 3334335 sambungan 1117/1118.



TAZKIRAH disampaikan oleh Penolong Pegawai Agama, Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait, Awang Abdul Khaliq bin Kamree.





Puasa : Perisai dari azab api neraka

sentiasa ditunggu-tunggu oleh sekalian umat Islam. Bulan ini mempunyai kelebihan yang sangat besar berbanding bulan-bulan yang lain. Sebagaimana yang kita maklum bahawa bulan Ramadan adalah bulan ibadah iaitu bulan bagi melipatgandakan amal ibadah kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh yang demikian, amat beruntunglah orang-orang yang merebut ganjaran yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan amatlah rugi bagi orang-orang yang mensia-siakkannya. Darpada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesiapa yang menegakkan (beribadah) Ramadan kerana iman kepada Allah dan mengharapkan pahala (hanya dari-Nya), maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Sesungguhnya puasa akan menjadi perisai yang menghalangi dari seksa api neraka. Puasa juga merupakan benteng yang menghalang diri kita daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan mungkar. Darpada Abu Said Al-Kudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tidaklah seorang hamba yang berpuasa di jalan Allah kecuali akan Allah jauhkan dia (kerana puasanya) dari neraka sejauh 70 tahun". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Perlu diketahui, bahawa ibadah puasa itu selain menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa seperti makan, minum dan seumpamanya, puasa juga berperanan menahan diri kita daripada melakukan perkara-perkara buruk dan sia-sia. Ini kerana kita tidak mahu ibadah yang telah dikerjakan itu hanya sekadar mendapat lapar dan dahaga semata-mata. Darpada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Berapa ramai orang yang berpuasa tidak mendapatkan pahalanya selain lapar dan berapa ramai orang yang sembahyang malam tidak mendapatkan pahala selain berjaga sepanjang malam". (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Ibadah puasa bukanlah hanya sekadar mengawal kehendak nafsu syahwat semata-mata bahkan Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kita supaya menjaga anggota-anggota badan kita yang lain dari melakukan perkara-perkara yang tidak baik dan sia-sia. Ini kerana ia boleh merosakkan dan mengurangkan pahala ibadah puasa. Oleh itu, bagi meraih kesempurnaan ibadah puasa, terdapat adab-adab yang perlu dijaga ketika menjalaninya, antaranya :

Pertama : Mengawal dan menutup pandangan mata dari melihat perkara-perkara yang diharamkan oleh syarak dan dari melihat perkara-perkara yang boleh melalaikan hati dari mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedua : Menutup telinga daripada mendengar perkara-perkara yang diharamkan supaya tidak tergolong ke dalam golongan orang-orang yang suka mendengar berita berbohong dan perkara sia-sia.

Ketiga : Menjaga lidah dari mengeluarkan kata-kata yang tidak berfaedah seperti berbual kosong, lebih-lebih lagi kita semua dituntut supaya menjaga lidah dari mengeluarkan kata-kata yang diharamkan seperti mengumpat, berdusta, menyebarkan fitnah dan seumpamanya.

Keempat : Memelihara seluruh anggota yang lain seperti tangan, kaki dan sebagainya dari melakukan perkara-perkara yang haram dan tidak berfaedah.

Akhirnya, marilah kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala mudah-mudahan ibadah puasa yang kita kerjakan di sepanjang bulan Ramadan ini diterima dan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan semoga kita tidak tergolong dalam golongan orang berpuasa yang hanya mendapat lapar dan dahaga sahaja. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Dan sesiapa yang menghendaki (kebahagiaan hidup) akhirat dan berusaha (mengajarkan amal kebajikan) untuk (tujuan) itu dengan usaha yang bersungguh-sungguh sedang ia beriman maka mereka itulah yang usaha mereka dikurniakan ganjaran yang baik (diberi pahala)". (Surah Al-Isra', ayat 19)

160 terima sumbangan derma



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Derma Tabung Anak-anak Yatim Daerah Temburong (atas dan bawah kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

TEMBURONG, Rabu, 20 Mac. - Majlis Penyampaian Derma Tabung Anak-anak Yatim Daerah Temburong diadakan pagi tadi di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed, selaku Penasihat Tabung Anak-anak Yatim Daerah Temburong.

Turut hadir, Pemangku Penolong Pegawai Daerah, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili, selaku Pengerusi Majlis; pemangku penghulu-penghulu mukim, ketua-

ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung; ketua-ketua cawangan, Ahli-ahli Jawatankuasa Tabung Anak-anak Yatim Daerah Temburong Sesi 2022-2024, Anak-anak Yatim Daerah Temburong dan para dermawan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Tahlil, Doa Arwah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Norezam bin Zaini.

Acara diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim Daerah Temburong kepada seramai 160 orang penerima yang telah disempurnakan oleh tetamu

kehormat.

Majlis diikuti dengan penyampaian derma kepada Tabung Anak-anak Yatim Daerah Temburong daripada para penderma.

Sumbangan derma pada hari ini adalah hasil kutipan Tabung Anak-anak Yatim Daerah Temburong, Tabung Kebangsaan, Bank BIBD, orang persendirian dan syarikat-syarikat swasta.

Dengan adanya sumbangan derma ini, diharap akan dapat meringankan beban perbelanjaan anak-anak yatim semasa menyambut bulan Syawal nanti dan dihasrat agar anak-anak yatim akan dapat membelanjakan sumbangan berkenaan dengan sebaiknya dan sekali gus dapat menabung bagi kegunaan di masa hadapan.





Oleh : Norlia Md. Zain

Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

MINGGU lalu Kementerian Kesihatan telah memaklumkan kepada orang ramai mengenai peningkatan jumlah kes Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) dalam beberapa minggu kebelakangan.

Bagi ibu bapa yang mempunyai anak yang masih pada peringkat kanak-kanak, haruslah cakna dengan perkara ini. Apatah lagi cuti penggal persekolahan akan bermula tidak lama lagi, yang mana kebanyakan ibu bapa memang ada yang merancang membawa anak-anak bercuti sama ada di dalam mahupun di luar negeri. Ini bermakna pendedahan di tempat awam akan terjadi.

HFMD merupakan salah satu jangkitan yang biasa dihidap oleh kanak-kanak, terutama sekali mereka yang berumur di bawah 5 tahun. Tanda-tanda penyakit termasuklah demam panas, kurang nafsu makan, merasa tidak sihat, ruam kulit dan sakit tekak.

Luka-luka dan ulser dalam mulut (*mouth sores dan ulcers*) juga kerap dialami iaitu pada lidah, gusi dan bahagian dalam pipi.

Adanya ruam (*blister*) pada tangan, kaki, mulut dan lidah merupakan tanda-tanda mudah dilihat untuk mengenal pasti HFMD.

Jangkitan ini adalah disebabkan oleh beberapa jenis virus yang boleh merebak daripada seorang ke seorang melalui sentuhan tangan atau menyentuh permukaan yang dicemari virus berkenaan.

Anak-anak damit mempunyai risiko yang lebih tinggi dijangkiti di mana boleh

mengakibatkan komplikasi yang serius seperti penyakit radang otak (*encephalitis*) dan dehidrasi.

Kebiasaannya gejala HFMD adalah ringan (*mild*) dengan simptom demam diikuti ruam melepuh (*blister*) pada tangan, kaki, mulut dan lidah. Kanak-kanak juga boleh mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan, muntah, cirit birit dan kurang selera makan. Kes HFMD yang disebabkan oleh jangkitan virus EV71 boleh meningkatkan risiko untuk mendapat komplikasi seperti *encephalitis* dan *myocarditis*.

Virus penyebab HFMD boleh terdapat di dalam kerongkong dan najis dan merebak melalui sentuhan terus dengan air liur dan najis mereka yang berpenyakit. Penyakit ini cepat menular dalam kalangan kanak-kanak. Ia menjangkiti semua golongan umur tetapi majoriti kanak-kanak berumur bawah 6 tahun adalah lebih berisiko.

Tempoh inkubasi adalah antara tiga hingga lima hari dan masa yang paling berisiko untuk menjangkiti orang lain adalah ketika sebelum dan selepas gejala timbul. Kanak-kanak yang dijangkiti penyakit HFMD boleh menjadi punca jangkitan sehinggalah ruamnya kering. Majoriti kes mengalami gejala ringan dan sembuh dalam masa lima ke tujuh hari.

Langkah kewaspadaan

Para ibu bapa adalah disaran untuk mengambil langkah-langkah kewaspadaan,

pengecambahan dan mengurangkan risiko jangkitan seperti berikut :

1) Sentiasa menjaga kebersihan diri seperti mencuci tangan dengan cecair pembersih tangan atau sabun dengan air yang bersih selepas menggunakan tandas, sebelum makan atau menyediakan makanan, selepas menukar lampin atau melakukan apa jua jenis pekerjaan rumah.

2) Sentiasa menjaga kebersihan persekitaran sama ada di rumah, pusat penjagaan kanak-kanak atau sekolah.

3) Tidak menghantar kanak-kanak yang dijangkiti HFMD ke sekolah bagi mencegah jangkitan kepada kanak-kanak lain. Mereka juga adalah dinasihatkan untuk tidak dibawa ataupun pergi ke tempat-tempat awam seperti pasar raya, kompleks membeli-belah, taman permainan, kolam renang dan lain-lain.

4) Membersihkan dan menyahkumankan (*disinfect*) permukaan yang tercemar termasuk alat permainan.

5) Jangan berkongsi barangan peribadi seperti berus gigi, sapu tangan, tuala, selimut, cawan, sudu dan garpu.

6) Peka kepada sebarang perubahan tingkah laku anak-anak seperti kerengsaan dan mengantuk, jika ke tahap tidak mahu makan dan minum secara berterusan segeralah berjumpa doktor.

7) Sapu dan bersihkan hidung serta mulut anak dengan tisu dan buang tisu yang telah digunakan dengan sempurna.

Kementerian Kesihatan dalam siaran akhbarnya juga menasihatkan kepada ibu bapa dan penjaga untuk membawa anak-anak mereka dengan segera ke pusat-pusat kesihatan dan hospital-hospital yang berhampiran jika terdapat tanda-tanda HFMD.

Perlu diketahui bahawa HFMD juga boleh menyebabkan kematian yang biasanya disebabkan oleh jangkitan HFMD yang sangat teruk hingga menimbulkan dua komplikasi yang serius atau jika pada masa yang sama, pesakit juga menghidap penyakit-penyakit serius yang lain.

Statistik

Dalam tempoh bermula 1 Januari 2024 hingga 6 Mac 2024, jumlah kes HFMD yang dilaporkan di negara ini ialah sebanyak 1,751 kes berbanding dengan jumlah purata lima tahun kebelakangan (2019-2023) bagi tempoh yang sama iaitu sebanyak 598 kes. 55 peratus daripada semua kes yang dilaporkan setakat ini adalah dalam kalangan kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah. Sementara itu, tidak ada kes kematian akibat HFMD telah dilaporkan di negara ini sejak satu kes kematian akibat HFMD dilaporkan pada tahun 2005.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi ini dan akan memaklumkan apa jua perkembangan mengenainya dari masa ke masa. Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 ataupun melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

LANGKAH KEWASPADAAN

-  Sentiasa menjaga kebersihan diri seperti mencuci tangan dengan cecair pembersih tangan atau sabun dengan air yang bersih.
-  Sentiasa menjaga kebersihan persekitaran sama ada di rumah, pusat penjagaan kanak-kanak atau sekolah.
-  Tidak menghantar kanak-kanak yang dijangkiti HFMD ke sekolah bagi mencegah jangkitan kepada kanak-kanak lain.
-  Disaran tidak membawa kanak-kanak ke tempat-tempat awam.
-  Membersihkan dan menyahkumankan (*disinfect*) permukaan yang tercemar termasuk alat permainan.
-  Jangan berkongsi barangan peribadi seperti berus gigi, sapu tangan, tuala, selimut, cawan, sudu dan garpu.
-  Peka kepada sebarang perubahan tingkah laku anak-anak seperti kerengsaan dan mengantuk.





Introspeksi

Oleh : Sumi Lena

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

TERAMAT susah nak lelap ke alam tidur bila minda masih dalam gear 'D', kelajuan RPM tahap empat. Perkataan 'rahat' (rahat yang membawa maksud aman atau tanpa masalah) merupakan perkataan yang ingin Faris diasosiasikan dengannya, namun bukan semakin rapat, semakin menjauh konsep 'rahat' itu dengan dirinya. Atau sekurang-kurangnya, itulah fikiran yang terapung-apung dalam hati dan mindanya.

"Payah tidur, banyak fikir..." ujar Faris.

"Apa yang kau pikirkan? *Cubatah...* Diri *atu* masih muda, *inda* jua ada banyakkan difikirkan," balas Hajah Kamalia.

Terkadang kata-kata sebeginilah yang merendahkan keyakinan diri sekali gus martabat Faris, walau bukan semestinya itu niat orang yang melampirkan kata-kata tersebut tanpa berfikir dua kali. Faris kadangkala faham atau cuba untuk faham, bahawa ianya hanya perbualan kosong. Namun perasaan, emosi, ada dalam setiap manusia.

Apa yang kita lihat itu tidak semestinya yang sedang berlaku, kebanyakan kebenaran terselindung dari kita. Janganlah cepat untuk menerima dan menghakimi, janganlah cepat untuk meremehkan benda yang kita tidak tahu dan faham secara keseluruhannya, selalu bersedia untuk mempersoal dengan rasional.

Kehibaan kita bukan milik sesiapa pun kecuali diri kita sendiri, tetapi bebannya boleh dikongsi, dipikul bersama, dengan orang-orang yang ingin menolong diri kita dengan ikhlas.

Tapi kita tidak dapat ditolong oleh orang lain jika kita sendiri tidak menolong diri sendiri tidak mengizinkan orang lain menolong kita.

Faris, kebanyakan masa, berasa berat hati ingin mengizinkan orang lain berkongsi bebannya, walhal dia sendiri tidak pernah berasa berat hati untuk berkongsi beban orang lain, asal ianya tidak melebihi kemampuan dirinya yang sedia ada ketika itu.

Inda ku *mau* susahkan kita...

Dilema si susah hati.

Dia kelihatan sedikit janggal pada seketika, bukan di atas kehendaknya sendiri. Penampilannya separuh santai sekali gus lusuh, tapi tampak semangat kemanusiaan di matanya yang peka dan tubuhnya yang cergas.

Hajah Kamalia menasihati anaknya yang ketika itu seolah tiada arah tuju dalam kehidupannya, walaupun dia tahu bukanlah anaknya yang berlaku salah, kehidupan memang begitu kadangkala, ada naik ada turun, ada laut ada gurun, ada pasang ada surut, acap kali hujan datang berturut-turut. Yang penting berusaha, untuk berbahagia, insyaaAllah. Dia hanya mampu memberi nasihat dan kasih sayang yang bersifat keibuan.

"Alum kau *bekeraja* lai?" tanya ibu saudaranya dengan nada bersahaja.

"*Keraja part-time* di kadai *masani auntie*." jawab Faris.

"*Keraja* opis swasta sama *keraja kerajaan* ada kau *apply*?" tanya ibu saudaranya lagi.

"Sudah *auntie*, alum ada jawapan lagi, masih cuba *apply-apply* masa ani."

"Eh, *cemana bulih*? Anak *auntie* dapat jua *keraja* opis *tarus* lapas ia *graduate masatu*..."

"Ah...rezeki masing-masing..." balas Faris, menahan kepahitan yang terselindung sebalik senyumannya.

Introspeksi terbuka untuk semua, tiada yang terkecuali. Cukupkanlah dos harian agar kesihatan dan kekuatan diri dipelihara. Tapi, dengan apa pun benda di dunia ini, semuanya perlu seimbang. "*Too much of a good thing can be a bad thing.*" Terutamanya harta, kuasa dan yang sewaktu dengannya. Menjadi introspektif adalah berkhasiat, tapi tumbuh menjadi suatu yang negatif jika berlebihan, *overly self-critical*.

Kadangkala Faris adalah seorang yang *socially awkward*, bukan bersikap kurang ajar atau endah tak endah, cuma berasa janggal, kejanggalan yang bukan sengaja dibuat-buat, namun dia cuba yang terbaik untuk menyesuaikan diri dalam situasi sosial spontan yang tidak diundang.

Situasi selesa optimum baginya adalah apabila bersama Nuna, berbual kosong, apa-apa yang dilalui sehari-hari, tanpa prejudis, tanpa gangguan dan tanpa mata jahat yang memerhati. Suatu sesi terapi, sesi *curhat* spontan tanpa kekekakan yang dibawa oleh kersmian.

Itulah saat-saatnya mereka mula bersalaman dari hati ke hati.

Faris teringat kembali waktu dia melawat berhari raya di rumah nenek saudaranya, dia menggambarkan untuk Nuna :

Kami sekeluarga bersama bapa saudara dengan keluarganya beraya ke rumah Neksu (nenek usu).

Neksu menerangkan sedikit sebanyak keadaan atuk yang ketika itu sedang duduk di kerusi roda bersebelahan dengannya. Tanpa menuturkan sebarang kata, pandangan atuk menuju ke lantai atau sesekali ke arah kami, semampu mana badannya membenarkannya untuk bergerak.

Dan Neksu mula menghuraikan kisah pagi tadi dengan ringkas :

Neksu menukar baju yang dipakai atuk ke pakaian cara Melayu baharu.

"Kenapa tukar baju? Kan ke mana *ni..?*" tanya Atuk.

"*Nada* ke mana-mana...kan hari *ani* Hari Raya, pakai cara Melayu barulah," jawab Neksu.

"Rumahku buruk...*nada* anak cucuku *mau* datang beraya ke rumahku..." ujar Atuk.

Dari satu kata ke satu kata, suara Neksu yang bercerita, semakin sayu menghiris udara.

"Jangan cakap *cematu*, ada *dorang* datang *tu karang*..." pujuk Neksu.

Kini matanya basah bergelumang kesedihan.

Suasana hening sejenak. Aku masih pura-pura tengok skrin telefon bimbit, mengelakkan diri dari memandang mereka, menahan rasa sebak di hatiku. Bapa memangkan topik lain untuk menenangkan suasana pilu.

Beberapa minit kemudian, Neksu memaklumkan yang atuk ingin berbaring di bilik. Tanpa diarah, kami tiga beradik berdiri bersedia ingin membantu menolak kerusi roda. Ditolak oleh mak saudara, atuk menghayunkan tangannya dengan perlahan untuk memberitahu kami untuk tidak perlu risau, sambil memaparkan senyuman yang riang kepada kami. Kami duduk kembali di lantai kayu rumah itu.

"Lebih kurang *cematulah* ceritanya..." Faris sudah penceritaan kenangan itu.

Telah disoal Nuna oleh ibu bapanya setelah dia pulang rumah. Ibu bapanya ternampak anak mereka berjalan bersama Faris di kompleks beli-belah. Nuna berterus-terang tentang situasinya ketika itu.

"Jangan dibiarkan ia *atu luan dakat* sama anak si Usman *atu*," sindir bapanya, ditujukan ke anaknya melalui ibunya.

"*Relax bah*, cuba dengar dulu apa ia *kan*

cakap, jangan *luan* dituruti marah *atu*." ujar ibunya cuba menenangkan keadaan.

Nuna beredar dari ruang tamu, menuju bilik tidurnya, tidak ingin lagi berbual dan melayan kerenah bapanya itu. Ibunya menyusul selepas itu.

"*Luankan* mikir perasaan sendiri, perasaan *urang* lain mana ia peduli," Nuna merajuk.

"*Nada lah* lai...bapamu *atu bukannya kan melarang* kau banarnya, ia *atu ingau* saja. Ia *inda mau* kau susah nanti." terang ibunya kepada Nuna, "Tapi bagi mama, kalau kau rasa si Faris tu ok, mama ok saja...tapi mama pun *ingau* kalau ia alum *bekeraja* tetap, *cemana* ia kan jaga kau nanti..."

Nuna mengeluh, "*Au* ma, *paham...* insyaaAllah, rezeki ada di mana-mana, ia cuba yang terbaik sudah tu, aku sendiri meliat usahanya. Ada ku suruh ia sembahyang hajat sama berdoa, moga dimurahkan rezeki. Tapi sementara *ani*, Nuna *inda* kisah pun jaga ia, ia baik."

Nuna ingin cuba berbahagia dengan yang sederhana walau ada keinginan (yang hampir universal) untuk memiliki semua benda yang dimahukan.

Ia datang dari satu tempat yang memilukan. Mencari jawapan untuk perasaannya yang sering dipinggirkan oleh kebenaran.

Untuk mengelakkan dosa-dosa kecil menggunakan, Nuna dan Faris bersetuju untuk mempercepatkan urusan nikah bersetu berdua. Perkara baik akan mengundang jawapan dari salah satu permohonan kerja, segala prosesnya lulus dan akan mula bekerja selepas melapor diri.

Mereka berdua masih menetapkan pernikahan mereka seperti rancangan asal mereka, walau setelah ada rezeki lebih dari pihak Faris.

"*Banar*, *inda* payah majlis *basar-basaran*, ala kadar, janji *inda* menyusahkan diri sendiri," ujar bapa Nuna, bersetuju dengan cadangan Nuna dan Faris.

Di hari pernikahan mereka, ibu saudara Faris mendekati ingin memberi ucapan tahniah.

"Bertuah kau lai...dapat *keraja* sama jodoh yang baik..." ujar ibu saudaranya dengan separa tersipu.

"Alhamdulillah....rezeki masing-masing, jodoh masing-masing..." jawab Faris.

SM YSHHB RAIKAN PELAJAR CEMERLANG



PENOLONG Pengarah Urusan YSHHB, Awang Abdullah@Dollah bin Haji Ahad selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan hadiah dan sijil kepada penerima.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, Sekolah Menengah Yayasan Sultan
20 Mac. - Seramai 59 pelajar Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB)



menerima sijil dan hadiah masing-masing pada Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang SM YSHHB bagi Peringkat BCGCE 'O' Level 2023 yang berlangsung di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan, pagi tadi.

Pada majlis tersebut, penyampaian hadiah dan sijil disempurnakan oleh Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Awang Abdullah@Dollah bin Haji Ahad, selaku tetamu kehormat majlis.

Terlebih dahulu dalam ucapan yang disampaikan oleh tetamu kehormat, beliau menyatakan dalam usaha untuk menjadikan Sekolah-sekolah YSHHB kekal sebagai antara sekolah yang terbaik di negara ini, bahagian pengurusan sekolah dan guru-guru perlulah sentiasa peka kepada trend dan perkembangan terkini dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

Amalan-amalan terbaik yang telah dikenal pasti jelasnya, mendatangkan impak yang positif dan bersesuaian dengan budaya pendidikan di negara ini telah pun dari semasa ke semasa dilaksanakan di Sekolah YSHHB seperti penyediaan kemudahan Wi-Fi dan memperkenalkan Membawa Alat Peranti Sendiri yang juga dikenali sebagai 'Bring Your Own Device' iaitu 'BYOD' kepada guru-guru dan pelajar-pelajar.

Menurutnya, inisiatif 'BYOD' ini mula diperkenalkan pada tahun 2019 yang lalu bermula dengan menengah atas iaitu Tahun 9Fast dan kemudian dilaratkan ke peringkat seterusnya iaitu keseluruhan pelajar-pelajar tahun 9 hingga tahun 11 iaitu kelas-kelas aliran Fast track, Science dan Art.

Katanya, pada peringkat permulaan inisiatif tersebut diperkenalkan, berbagai cabaran telah dihadapi oleh pihak sekolah.

Walau bagaimanapun ujarinya, dengan keyakinan bahawa inisiatif ini akan mendatangkan banyak manfaat dalam pengajaran dan pembelajaran, guru-guru dan pelajar-pelajar telah berjaya menjadikan inisiatif ini sebagai budaya sekolah dan telah terbukti menyumbang kepada perkembangan positif dalam akademik pelajar-pelajar.

"Keputusan-keputusan peperiksaan awam yang telah kita ketahui pada penghujung tahun lepas dan awal tahun ini telah menunjukkan bahawa kesan-kesan yang disebabkan oleh COVID-19

kepada pendidikan di negara ini sudah tidak menjadi kebimbangan lagi.

"Walau bagaimanapun, kita harus terus berjaga-jaga dan sentiasa mempersiapkan diri untuk menghadapi sebarang kemungkinan," terangnya.

Awang Abdullah seterusnya menjelaskan berkenaan kegiatan-kegiatan kokurikulum yang banyak memainkan peranan yang penting bagi melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai daya tahan dan daya saing yang tinggi.

Ke arah ini tegasnya, Sekolah YSHHB telah mengadakan kelab-kelab kokurikulum dan program / inisiatif yang bersesuaian di samping guru-guru juga diberikan pendedahan melalui kursus-kursus dan latihan-latihan yang bersesuaian bagi memantapkan lagi keupayaan mereka dalam melaksanakan inisiatif / program yang dijalankan untuk pelajar-

pelajar.

"Pihak pengurusan YSHHB memang sentiasa peka dalam penelitian semula kepada dasar-dasar bagi memastikan sekolah-Sekolah YSHHB ditadbir urus dengan baik dan mengutamakan keselamatan, kesihatan, persekitaran yang kondusif bagi keselesaan pelajar, guru dan kakitangan sekolah supaya pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan bidang-bidang dokongan yang lain," tambahnya lagi.

Majlis turut diisikan dengan tayangan klip video diikuti dengan penyampaian sijil dan hadiah kepada para pelajar.

Anugerah Pelajar Terbaik diberikan Syed Abd. Rahman bin Syed Azmal yang memperoleh 7 Distinction dan 2 Credit menjadi semua 9 'O'.

445 pelajar hadiri Jerayawara Kenali ASEAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI Negara Brunei Darussalam semasa mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN di Sekolah St. Andrew.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Program Kenali ASEAN merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan para pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Pada masa yang sama, ia juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam mengamalkan hala tuju negara satu masa nanti.

Sehubungan dengan itu, dalam hasratnya untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada para pelajar sekolah menengah di negara ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI Negara Brunei Darussalam mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN kepada 445 pelajar Tahun 7, Tahun 8 dan Tahun 9 Sekolah St. Andrew bertempat di Dato Ong Kim Kee Hall sekolah berkenaan.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail, yang antara lain menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Turut dipromosikan semasa taklimat berkenaan ialah aplikasi mudah alih 'We ASEAN' yang mengandungi maklumat mengenai ASEAN dan negara-negara anggota ASEAN (ASEAN Member States), kalendar ASEAN, kuiz, galeri gambar dan video.

Aplikasi berkenaan merupakan salah satu projek di bawah Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN- COCI, yang boleh dimuat turun melalui 'Google Play' bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS.

Turut hadir ialah Pengetua Sekolah, Madam Tan Lian Lian; dan tenaga pengajar sekolah berkenaan.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Lakukan Perubahan Tangani Obesiti'. Tarikh Tutup : 27 Mac 2024
2. 'Kepentingan Persiapan Kewangan Untuk Hari Tua'. Tarikh Tutup : 3 April 2024
3. 'Jangan Pandang Ringan Kesihatan Mental'. Tarikh Tutup : 10 April 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

CHINA UMUM KEMAJUAN TERKINI MENGENAI PERSIAPAN ANGGOTAI CPTPP



BEIJING, 22 Mac. - Kementerian Perdagangan China pada Khamis mengumumkan mengenai kemajuan terkini persiapan China untuk menganggotai Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

Jurucakapnya He Yadong berkata China telah mengadakan komunikasi dan rundingan dengan pelbagai anggota CPTPP menurut prosedur keanggotaan, kajian dan penilaian komprehensif mengenai kandungan CPTPP. "China juga aktif menjalankan

kerja penyusunan semula terhadap dasar terbabit dan pindaan undang-undang yang berkenaan agar menjadikannya selaras dengan peraturan CIPP dan mengemas kini persiapan tentang pembidaan akses pasaran dalam bidang perdagangan kargo, perdagangan

perkhidmatan dan pelaburan," katanya dalam sidang media. He berkata China yakin dapat mencapai standard yang ditetapkan CIPP dan sudah menunjukkan hasil positif dalam peraturan ekonomi dan perdagangan di arena antarabangsa serta pembaharuan dan pelaksanaan projek pilot dalam

bidang berkenaan. "Untuk langkah seterusnya China akan mengekalkan komunikasi dan pertukaran dengan pelbagai negara anggota CPTPP berdasarkan prosedur yang berkaitan di pelbagai peringkat dan saluran," kata He. - ©BERNAMA

AS laksana misi gugur bantuan kemanusiaan ke Gaza

WASHINGTON, 22 Mac. - Komando Pusat AS (CENTCOM) telah melaksanakan misi menggugurkan bantuan kemanusiaan ke utara Gaza pada Khamis bagi membantu orang awam yang terjejas akibat konflik antara Israel dan Hamas, lapor Agensi Anadolu.

Menerusi hantaran di X, CENTCOM berkata operasi bersama itu melibatkan dua pesawat Tentera Udara Amerika Syarikat (AS) C-17 dan Tentera Darat Amerika Syarikat.

Menurut CENTCOM, pesawat C-17 menggugurkan lebih 50,600 makanan ke utara Gaza.

"Semasa misi hari ini, daripada 80 bungkusan yang dihantar, payung terjun pada lima bungkusan bantuan tidak terbuka selepas ia digugurkan dari pesawat.

"Lima bungkusan ini mendarat di kawasan tidak berpenghuni dan tidak menyebabkan kerosakan. Komando Pusat AS terus memantau keadaan," katanya.

CENTCOM berkata penghantaran bantuan menggunakan payung terjun oleh Jabatan Pertahanan (DoD) menyumbang kepada usaha kerajaan AS dan rakan kongsi untuk meringankan penderitaan mangsa konflik.

Sejak 7 Okt lepas, hampir 32,000 rakyat Palestin, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak telah terbunuh di Gaza manakala hampir 74,200 lagi cedera dalam serangan berterusan Israel. - ©BERNAMA

Inisiatif kod QR : ICA Singapura ingatkan pengembara berkereta bawa pasport

SINGAPURA, 21 Mac. - Penguasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA) Singapura telah memberi peringatan kepada pemandu dan penumpang kereta yang menggunakan inisiatif kod respons pantas (kod QR) untuk pelepasan imigresen di pusat pemeriksaan Woodlands dan Tuas supaya membawa bersama pasport mereka.

Pasport mungkin masih diperlukan untuk pengesahan dalam kes tertentu. Dalam satu kenyataan, ICA berkata pengembara juga memerlukan pasport mereka untuk pengesahan identiti di pusat pemeriksaan Malaysia.

Agensi itu juga mengingatkan pengembara yang menggunakan inisiatif itu bahawa mereka masih perlu mengemukakan Kad

Ketibaan Singapura (SGAC) mereka dalam tempoh tiga hari (termasuk hari ketibaan) sebelum tiba di Singapura, melalui laman sesawang atau aplikasi mudah alih MyICA.

Inisiatif yang dilancarkan pada 19 Mac membolehkan pengembara berkereta yang tiba dan bertolak dari kedua-dua pusat pemeriksaan untuk menggunakan kod QR sebagai ganti pasport untuk pelepasan imigresen.

Pelawat asing kali pertama dan mereka yang memasuki semula Singapura menggunakan pasport berbeza daripada perjalanan sebelumnya perlu menunjukkan pasport fizikal mereka untuk pelepasan imigresen dan hanya boleh menggunakan pelepasan kod QR pada perjalanan berikutnya.

ICA berkata setakat Rabu, kira-kira 86,000 atau kira-kira 46 peratus daripada jumlah pengembara berkereta telah menggunakan inisiatif kod QR.

"Maklum balas daripada pengguna kod QR adalah positif, terutamanya bagi mereka yang melancong dalam kumpulan kerana mereka mendapati proses itu lebih mudah, lebih pantas dan bebas daripada kerumitan, kata ICA.

Dengan hujung minggu panjang sempena Good Friday yang akan datang dan festival Qing Ming pada minggu berikutnya, trafik dijangka lebih sesak di kedua-dua pusat pemeriksaan darat dan pengembara berkereta digalakkan menggunakan kod QR untuk mempercepatkan pelepasan imigresen," katanya. - ©BERNAMA

Pengeluar produk halal Malaysia digesa tembusi pasaran Thailand

NAKHON SI THAMMARAT, 21 Mac. - Pengeluar produk halal Malaysia digesa merebut peluang untuk bekerjasama dengan syarikat di Thailand bagi memasarkan barangan mereka berikutan permintaan yang tinggi terhadap makanan halal di negara itu.

Duta Besar Malaysia ke Thailand Datuk Jojie Samuel yang baru-baru ini mengakhiri lawatan kerja dua hari ke wilayah Nakhon Si Thammarat, berkata pensijilan halal Malaysia diiktiraf di seluruh dunia dan rakyat Thailand cukup menerima produk makanan Malaysia.

"Kami berharap dapat melihat pengeluar produk halal Malaysia menjalin usaha sama dengan syarikat Thailand untuk menubuhkan kilang mereka di sini.

"Dengan 30 peratus daripada 1.5 juta penduduk di sini beragama Islam, wilayah Nakhon Si Thammarat adalah lokasi strategik untuk menjadi hab halal bagi pasaran Thailand," katanya kepada Bernama pada Khamis.

Jojie berkata wilayah itu mempunyai banyak tawaran dari segi sumber seperti barangan pertanian, perikanan dan ayam

itik manakala pengeluar makanan halal Malaysia boleh menyediakan kepakaran mereka di sini.

"Pengeluar makanan halal Malaysia boleh meraih manfaat daripada wilayah itu terletak berhampiran Krabi, Songkhla, Satun dan Yala dengan jumlah penduduk Islam yang tinggi," katanya.

Duta itu juga berhasrat untuk mewujudkan pautan bagi perdagangan produk makanan dari kedua-dua negara tanpa melibatkan orang tengah. "Pada masa ini, sebahagian daripada produk kedua-dua negara didagangkan melalui orang tengah dan ini menyebabkan peningkatan kos dan harga barangan," katanya. Beliau berkata pautan itu boleh diperluaskan kemudian untuk produk pertanian termasuk daging, udang putih, buah-buahan dan juga sayur-sayuran.

Semasa lawatan dua hari ke sini, Jojie melawat syarikat getah Malaysia, Thung Yai Rubber Co Ltd, membuat kunjungan hormat ke atas Gabenor Nakhon Si Thammarat, Kajornkiat Rukpanichmanee, kunjungan hormat ke atas Datuk Bandar Nakhon Si Thammarat,

Kanop Ketchart dan melawat ladang pertanian bersepadu, Ladang Por Rak 2 Ru, dimiliki oleh Suparat Chuchai.

Beliau menyifatkan lawatan kerjanya ke Nakhon Si Thammarat sebagai satu kejayaan kerana membolehkannya memahami keupayaan dan keperluan wilayah itu.

"Kami sentiasa bersedia memudahkan rakyat Malaysia yang berhasrat memasuki pasaran Thailand dan dengan lawatan ini, kami berharap dapat menyaksikan peningkatan aktiviti perdagangan dan ekonomi," katanya.

"Dengan lawatan ini, saya berharap dapat menyediakan lebih banyak maklumat kepada syarikat Malaysia yang bercadang menembusi pasaran Thailand dan sebaliknya bagi syarikat Thailand, melalui saluran yang betul untuk mengurangkan Langkah Bukan Tarif (NTM) dan Halangan Bukan Tarif (NTB)," katanya.

Pada 2023, Thailand merupakan rakan dagang ketujuh terbesar Malaysia di peringkat global dengan jumlah perdagangan RM113.16 bilion (US\$24.83 bilion) direkodkan. - ©BERNAMA

2 jet komersial patah balik ke Copenhagen selepas ancaman bom

COPENHAGEN, 22 Mac. - Dua jet komersial yang dalam penerbangan dari ibu negara Denmark ke Stavanger, Norway terpaksa berpatah balik ke lapangan terbang Copenhagen pada petang Khamis selepas dipercayai menerima ancaman bom, lapor Xinhua.

Sebuah jet Scandinavian Airlines telah memasuki ruang udara Norway apabila ia diminta berpatah balik manakala sebuah penerbangan Norway diberitahu untuk kembali sejurus selepas berlepas.

Syarikat penerbangan itu mengesahkan insiden berkenaan kepada radio Norway NRK bahawa semua penumpang telah dipindahkan sejurus jet berkenaan mendarat.

Polis Denmark di Copenhagen memberitahu radio Sweden bahawa mereka akan memeriksa pesawat itu untuk mencari objek berbahaya.

Bagaimanapun pihak berkuasa tidak menjelaskan bagaimana mereka mengetahui mengenai potensi ancaman itu. - ©BERNAMA

Lanun Somalia hubungi pemilik kapal kargo Bangladesh yang dirampas

DHAKA, 21 Mac. - Lanun Somalia yang disyaki merampas kapal berbendera Bangladesh MV Abdullah telah menghubungi pemilik kapal itu buat kali pertama, kata seorang pegawai di sini.

Panggilan itu dibuat kira-kira seminggu selepas kapal kargo berkenaan dirampas di Lautan Hindi pada 12 Mac manakala kesemua 23 kru dijadikan tebusan. Kapal itu dimiliki oleh SR Shipping Limited, anak syarikat kumpulan KSRM Bangladesh.

Jurucakap Kumpulan KSRM, Mizanul Islam pada Rabu berkata lanun telah menghubungi mereka melalui pihak ketiga tanpa sebarang tuntutan wang tebusan, lapor Xinhua. Beliau berkata tuntutan tebusan mungkin akan dibuat semasa perbincangan akan datang sekiranya ada.

MV Abdullah ketika kejadian sedang berlayar dari Pelabuhan Maputo di Mozambique ke Pelabuhan Al Hamriyah di Emiriah Arab Bersatu (UAE) dengan mengangkut 58,000 tan arang batu. - ©BERNAMA

Lelaki lumpuh guna implan otak kawal komputer dengan fikiran

WASHINGTON, 21 Mac. - Seorang lelaki yang keempat-empat anggota tubuhnya menjadi lumpuh mampu mengawal komputer hanya menggunakan fikirannya. Ia dicapai melalui implan otak yang dibangunkan oleh syarikat Neuralink milik bilionair Elon Musk, menurut rakaman video pencapaian itu yang dimuat naik di X.

Nolan Arbaugh, 29, adalah individu pertama yang menerima implan Neuralink. Arbaugh dalam video yang disiarkan pada Rabu berkata beliau lumpuh daripada bahagian bahu ke bawah akibat kemalangan semasa menyelam.

Video itu menunjukkan keupayaan Arbaugh untuk mengawal sebuah komputer hanya menggunakan pemikirannya. Arbaugh mampu bermain permainan video menggunakan teknologi itu yang disifatkan Musk sebagai satu bentuk telepati, lapor Sputnik.

"Saya suka bermain catur dan ini adalah antara perkara yang saya boleh lakukan, sesuatu yang saya tidak dapat lakukan sejak beberapa tahun kebelakangan ini," kata Arbaugh.

Arbaugh berkata walaupun teknologi itu masih belum sempurna tetapi tetap mengubah kehidupan. Pembedahan itu "sangat mudah". Pada Januari, Musk berkata Neuralink telah berjaya memasang peranti pada otak manusia.

Musk menyatakan bahawa matlamat Neuralink adalah untuk membangunkan antara muka otak komprehensif yang menggabungkan peranti input dan output umum, membolehkan interaksi dengan semua bahagian otak. - ©BERNAMA



FABD, SAFF TINGKAT KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN BOLA SEPAK



DELEGASI Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) yang diketuai oleh Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff mengadakan Lawatan Rasmi yang merupakan undangan peribadi Presiden Saudi Arabian Football Federation (SAFF), Yasser Al-Misehal.

bola sepak.

Katanya lagi, pertemuan dan mesyuarat FABD - SAFF akan memberi erti dan hasil yang berharga kepada negara melalui komitmen SAFF bagi membantu dalam pembangunan bola sepak NBD secara inklusif.

SAFF sebelum ini telah mengulangi bahawa lawatan berkenaan merupakan peluang penting bagi FABD untuk belajar daripada pengalaman Arab Saudi yang mencapai kejayaan yang menyerlah dalam bola sepak dalam tempoh masa yang singkat.

Antara pencapaian utama mereka dalam bola sepak ialah memenangi Kejuaraan Bola Sepak Asia (AFC) sebanyak tiga kali dan telah mara ke Piala Dunia FIFA sebanyak enam kali.

SAFF telah mencapai kemajuan yang luar biasa dalam sukan bola sepak dan telah menunjukkan minat mereka untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka dengan NBD.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

JEDDAH, ARAB SAUDI, Rabu, 20 Mac. - Lawatan Rasmi delegasi Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) yang merupakan undangan peribadi Presiden Saudi Arabian Football Federation (SAFF), Yasser Al-Misehal akan membuka laluan penting bagi kedua-dua belah pihak dalam mengukuhkan hubungan dan meningkatkan komitmen serta kerjasama dalam pelbagai aspek yang menjurus kepada kemajuan bola sepak, teknikal, kemahiran dan pertukaran pegawai.

Sepanjang lawatan berkenaan, rombongan yang diketuai oleh Presiden

FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff mengadakan pertemuan dengan Presiden SAFF di samping mengadakan beberapa siri perbincangan dan mesyuarat dengan rakan-rakan SAFF selain mengadakan lawatan ke lokasi prasarana bola sepak SAFF dan menyaksikan lebih dekat aktiviti-aktiviti pembangunan bola sepak peringkat akar umbi SAFF.

Presiden FABD melahirkan penghargaan kepada Presiden SAFF atas jemputan berkenaan sambil menyifatkan lawatan berkenaan merupakan satu catatan sejarah hubungan baik kedua-dua belah pihak

dalam pembangunan bola sepak Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Ahli rombongan mempunyai peluang terbaik untuk bertemu dan berbincang lebih mendalam bersama rakan daripada pegawai-pegawai SAFF dalam bidang masing-masing dalam berkongsi pandangan bagi meningkatkan kemahiran," jelasnya ketika ditemu bual sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Jeddah King Abdulaziz, Jeddah, baru-baru ini.

Presiden FABD melahirkan keyakinan FABD - SAFF terus menjalin komitmen untuk mencari jalan terbaik di samping berkongsi strategi yang berkesan bagi mengangkat pembangunan persada

Malaysia tolak tawaran penganjuran Sukan Komanwel 2026

KUALA LUMPUR, 22 Mac. - Malaysia menolak tawaran Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 2026. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi kenyataan mengumumkan bahawa keputusan berkenaan dibuat ketika mesyuarat Jemaah Menteri hari ini, setelah meneliti semua aspek penganjuran dan implikasinya.

Kenyataan KBS itu memaklumkan impak ekonomi daripada penganjuran temasya empat tahunan itu, tidak dapat dikenal pasti dalam jangka masa singkat. KBS turut memaklumkan bahawa Kerajaan MADANI mahu memberi fokus kepada pembangunan sukan serta kebajikan dan kesejahteraan rakyat, buat masa ini.

"Delegasi daripada CGF telah bertemu Menteri Belia dan Sukan (Hannah Yeoh) dan mengadakan sesi penerangan mengenai tawaran selaku tuan rumah itu, yang turut dihadiri oleh Menteri Kewangan II (Datuk Seri Amir Hamzah Azizan) pada 5 Feb lepas.

"Hasil pertemuan itu dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri dan antara lain mengutarakan tawaran CGF berjumlah

£100 juta (RM603 juta), dijangka tidak mampu menampung kos keseluruhan penganjuran temasya sukan berskala besar," menurut kenyataan itu.

Kerajaan Malaysia bagaimanapun, merakamkan penghargaan kepada CGF di atas penawaran menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 2026. Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jumaat lepas berkata kerajaan akan meneliti butiran dan mendapatkan pandangan semua pihak termasuk KBS, sebelum membuat keputusan muktamad mengenai tawaran untuk menganjurkan temasya itu.

Negeri Victoria di Australia yang sepatutnya menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 2026, menarik diri pada Julai tahun lepas disebabkan kenaikan kos penyelenggaraan dari jangkaan awal AU\$2.6 bilion (sekitar RM8.09 bilion) kepada AU\$7 bilion (kira-kira RM21.78 bilion).

Kerajaan Victoria juga dilaporkan bersetuju untuk membayar AU\$380 juta kerana melanggar kontrak, apabila tidak dapat menganjurkan temasya itu mengikut jadual bermula 17 hingga 29 Mac, 2026.

Berikutan itu CGF menawarkan suntikan

dana £100 juta (RM602 juta) kepada Malaysia yang pernah menjadi tuan rumah pada 1998 dan juga kepada negara anggota lain untuk menyelamatkan sukan empat tahunan itu.

Bukan sahaja Victoria, India juga tidak berminat untuk menjadi pengganti bagi edisi 2026 manakala wilayah Alberta di Kanada

turut menarik diri daripada proses bidaan Sukan Komanwel 2030, seminggu selepas Victoria mengumumkan menarik diri.

Dari 74 negara dan wilayah yang menjadi ahli CGF, hanya England, Kanada, Australia, Wales, New Zealand, Jamaica, Scotland, India dan Malaysia pernah menjadi tuan rumah temasya berkenaan. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

PERMOHONAN untuk mendapatkan Sijil Halal dan / atau Permit Halal adalah mandatori bagi pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan di Negara Brunei Darussalam. Ada dua kategori permohonan iaitu Sijil Halal yang mana permohonan dikhususkan dan diwajibkan kepada Penyediaan Makanan termasuk Restoran / Kafe; Medan Selera (Food Court); Dapur Pusat (Central Kitchen). Sementara Permit Halal (mengeluarkan produk) pula merupakan permohonan dikhususkan dan diwajibkan kepada Penyediaan Makanan di kemudahan pemprosesan makanan termasuk Kilang Pemprosesan Produk Makanan.

SUMBER : Laman Sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

LIPAT GANDAKAN AMAL IBADAH PADA BULAN RAMADAN